

**PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEEMPAT BAGI PENGGAL  
PERSIDANGAN KETIGA DEWAN NEGERI JOHOR KE-12**

**KHAMIS, 17 MAC 2011**

**BIL. 13 TAHUN 12**

**HADIR**

Y.B. Dato' Speaker,  
Dato' Haji Mohd. Ali bin Hassan,  
DPMJ., PJN., KMN., PIS., AMN., PPN.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Johor,  
Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, DK., SPMJ., PIS.  
(Serom);

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan,  
Keraja Raya dan Kemudahan Awam Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil, PJN., PIS.  
(Sri Medan)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan  
Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan Negeri, Johor.  
Dr. Robia binti Dato' Haji Kosai  
(Sungai Balang)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zainal Abidin bin Haji Osman, SPMJ., KMN., PIS.  
(Endau)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa  
dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar Negeri Johor.  
Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi, JMN., PIS.  
(Bekok)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ab. Aziz bin Kaprawi, PIS., AMN.  
(Parit Raja)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN.  
(Johor Lama)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan  
dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia,  
Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri, Johor.  
Encik M. Asojan a/l Muniyandy  
(Gambir)

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri, Johor.  
Tuan Haji Md. Jais bin Haji Sarday  
(Mahkota)

Y.B. Datuk Haji Othman bin Jais, PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.  
(Buloh Kasap)

Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

Y.B. Datuk Haji Harun bin Abdullah, PJN., PIS., AMN.  
(Tanjong Surat)

Y.B. Tuan Haji Tahir bin Mohd. Taat, JP., KMN., PIS., AMN., PPN.  
(Bukit Serampang)

Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, DSNS., PIS., AMN.  
(Kempas)

Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman, PJN., KMN., PIS., JP  
(Machap)

Y.B. Datuk Ng See Tiong, JP., PIS., AMN., KMN., PK.  
(Parit Yaani)

Y.B. Puan Lim Kee Moi, PIS.  
(Yong Peng)

Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Suleiman, DSNS., KMN., AMN.  
(Puteri Wangsa)

Y.B. Datuk Haji Ariss bin Samsudin, DMSM., DSM., BCM., PIS., PPN.  
(Semerah)

Y.B. Tuan Haji Onn bin Mohd. Yassin, AMN., KMN., PIS., PPA., PSSB.  
(Layang-Layang)

Y.B. Encik Lau Chin Hoon,  
(Pemanis)

Y.B. Datuk Haji Ayub bin Rahmat, PPN., AMN.  
(Kemelah)

Y.B. Datuk Samsol Bari bin Jamali, DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

Y.B. Datuk Haji Abdullah @ Md. Khalid bin Md. Ali, DMSM., PIS., AMN.  
(Bukit Naning)

Y.B. Datuk Dr. Lee Hong Tee,  
(Jementah)

Y.B. Encik Cheong Chin Liang,  
(Bukit Batu)

Y.B. Datuk Tee Siew Kiong, DMSM.  
(Pulai Sebatang)

Y.B. Datuk Haji Abd. Aziz bin Haji Sopian, DMSM., KMN., AMN.  
(Nusajaya)

Y.B. Encik Koh Chai @ Koh Chee Chai, PIS.  
(Penggaram)

Y.B. Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

Y.B. Encik Tan Cher Puk, AMN.  
(Johor Jaya)

Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba, DMSM.  
(Pasir Raja)

Y.B. Datuk Ir. Hasni bin Mohamad, PGDK., PIS., KMN., AMN.  
(Benut)

Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu, PIS., BSI., AMN., KMN., PPN.  
(Permas)

Y.B. Puan Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

Y.B. Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan,  
(Kahang)

Y.B. Encik Tang Nai Soon,  
(Pekan Nenas)

Y.B. Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PMW.  
(Jorak)

Y.B. Datuk Md. Othman bin Haji Yusof, DMSM., DSM.  
(Kukup)

Y.B. Tuan Haji Kamaruzaman bin Ali,  
(Bukit Permai)

Y.B. Encik Goh Tee Tee, PIS.  
(Tangkak)

Y.B. Tuan Haji Rasman bin Ithnain,  
(Sedili)

Y.B. Encik Ja'afar bin Hashim, PPN.  
(Senggarang)

Y.B. Puan Murukasvary a/p S. Thanarajan, PIS., AMN.  
(Tenggaroh)

Y.B. Encik Chia Song Cheng,  
(Pengkalan Rinting)

Y.B. Encik Mok Chek Hou,  
(Stulang)

Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

Y.B. Encik Ong Kow Meng,  
(Senai)

Y.B. Dr Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh,  
(Sungai Abong)

Y.B. Encik Gwee Tong Hiang,  
(Bentayan)

Y.B. Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

Y.B. Encik Ng Lam Hua,  
(Mengkibol)

**TURUT HADIR**

**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN NEGERI  
JOHOR)**

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,  
Tuan Haji Obet bin Tawil

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Johor,  
Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha, DMSM., DSM

Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Johor,  
Datin Paduka Zainon binti Haji Yusof, DPMJ., PIS.

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan  
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Negeri, Johor.  
Encik Hoo Seong Chang, PIS.  
(Paloh)

Y.B. Tuan Haji Adam bin Sumiru, AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**Y.B. Dato' Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Jurutulis baca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh dan diucapkan selamat pagi, salam sejahtera. Ahli-Ahli Yang Berhormat adalah dengan sedihnya dimaklumkan bahawa Dato' Abdul Ajib bin Ahmad, bekas Menteri Besar Johor dan juga ADUN bagi kawasan Endau telah meninggal dunia pada 3 Februari 2011. Beliau telah dilantik menjadi Menteri Besar Johor melalui tahun 1982 hingga 1986.

Dan, Dato' Sulaiman bin Taha yang telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri kawasan Tenang bagi dua penggal berturut-turut mulai 31 Mac 2004 dan telah meninggal dunia pada 17 Disember 2010. Oleh yang demikian, marilah kita sama-sama membaca Al-Fatihah bagi yang beragama Islam dan yang bukan Islam bertafakur selama seminit. Al-Fatihah. Terima kasih. Semoga Allah SWT mencururi rahmat ke atas roh dan dihimpunkan bersama-sama roh orang-orang yang soleh.

Dengan ini juga, ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Haji Obet bin Tawil yang telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Johor pada 14 Mac 2011. Tahniah Yang Berhormat.

**Jurutulis : MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH AHLI DEWAN NEGERI JOHOR**

**Y.B. Dato' Speaker :** Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita akan menjalankan kerja mengangkat sumpah Ahli Dewan Negeri kawasan Tenang, Yang Berhormat Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim.

**Jurutulis :** Dijemput Yang Berhormat Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** WaAllahi Wabillahi Watallahi. Bahawa adalah saya Mohd. Azahar bin Ibrahim yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* bagi Negeri Johor dengan sesungguhnya bersumpah dengan iman bahawa saya mengaku akan menyempurnakan kewajipan saya dengan tulus ikhlas sebagai seorang Ahli Dewan Negeri atau *Legislative Assembly* yang tersebut itu. Dan, saya bersumpah dan mengaku akan memelihara, mengawal dan mempertahankan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, barang diberkati Allah akan saya.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat boleh ambil tempat ya. Habis semua disalam kang, haah (ketawa). Ha, ok. Saya tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim Ahli Dewan Negeri kawasan Tenang semoga beliau dapat berkhidmat dan memberikan sumbangan kepada negeri dan negara.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan kertas mesyuarat Bilangan 1 hingga 6 Tahun 2011.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 7 hingga 18 Tahun 2011.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Kesihatan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 19 Tahun 2011.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 20 dan 21 Tahun 2011.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi:** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 22 dan 23 Tahun 2011.

**Jurutulis : SOALAN LISAN.**

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dato' Haji Baderi bin Dasuki, jemput.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Yang Berhormat Dato'Speaker, soalan nombor 1.

Adakah Kerajaan Negeri Johor telah berpuas hati dengan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan yang meliputi soal-soal pungutan sampah, pembersihan parit dan longkang, penyelenggaraan jalan-jalan, pemotongan rumput dan lampu-lampu jalan di kawasan PBT dalam Negeri Johor. Jika belum apakah langkah-langkah segera yang diambil untuk memperbaiki perkhidmatan bagi faedah rakyat?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh ADUN Panti mengenai kerja-kerja penyelenggaraan kebersihan di kawasan PBT. Dan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Negeri memanglah sentiasa memantau perkhidmatan yang diberikan oleh PBT kepada pembayar cukai yang meliputi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu:-

1. Pengurusan sisa pepejal.
2. Pembersihan Awam dan juga
3. Kerja-kerja penyelenggaraan.

Untuk makluman Dewan ini, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri kita ini telah diambil alih secara interim oleh *S.W.M. Environment Sdn. Bhd.* di 14 buah PBT di Negeri Johor sejak 1997 dan perjanjiannya adalah terus berkuat kuasa sehingga

kini berdasarkan bulan ke bulan ataupun *monthly basis* bagi tempoh yang tidak melebihi 1 tahun atau mana yang terdahulu apabila nanti dikuatkuasakan Akta 672.

Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu Akta Pengurusan Sistem Pepejal dan Pembersihan Awam 2007. Sementara itu, kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan sendiri oleh setiap PBT melalui kerja-kerja *up source* dengan izin, ataupun melalui pekerja sendiri dengan menggunakan peruntukan bajet pembangunan yang disediakan oleh PBT itu mahupun Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Bagi memenuhi hasrat kerajaan dan mengurangkan aduan awam pula, PBT telah mengambil inisiatif baru iaitu dengan meminta semua PBT menubuhkan Pasukan Tindakan Kebersihan. Ini atas arahan Pihak Berkuasa Negeri bagi melaksana dan memantau pelaksanaan aktiviti pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam serta kerja-kerja penyelenggaraan diuruskan dengan baik dan sempurna di jalan-jalan utama dan kawasan-kawasan taman perumahan. Skop kerja utama pasukan ini ialah meliputi soal-soal pungutan sampah serta kebersihan awam, sampah longgok, pembersihan parit dan longkang, pemothon rumput, penyelenggaraan jalan termasuk khususnya ialah jalan-jalan yang berlubang, penyelenggaraan lampu jalan dan kebersihan di taman permainan.

Kesemua PBT untuk makluman, telah pun menubuhkan PTK ini iaitu pada 1 Oktober tahun lalu. Dan, bagi memantapkan lagi keberkesanan program pasukan ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan geran tambahan sebanyak RM2 juta untuk diagihkan kepada setiap PBT untuk membantu pembelian peralatan, penyelenggaraan dan pembersihan. Bantuan kewangan yang dicadangkan adalah mengikut keupayaan kewangan sesebuah PBT seperti berikut:-

1. RM50,000.00 yang ini daripada RM2 juta itu tadi kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Majlis Daerah Kota Tinggi dan Majlis Daerah Pontian.
2. RM100,000.00 kepada Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Labis, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Daerah Mersing.
3. RM150,000.00 kepada Majlis Perbandaran Muar, Majlis Perbandaran Kluang dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Daerah Segamat dan,
4. RM300,000.00 kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Inisiatif kedua pula iaitu satu pelan tindakan berhubung pembersihan awam sedang dirancang dan akan dilaksanakan Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam masa yang terdekat ini agar ianya berada pada satu tahap yang boleh diterima oleh semua lapisan masyarakat. Kesemua PBT dikehendaki :-

1. Menyediakan kontraktor *backup*, dengan izin untuk pelaksanaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.
2. Mana-mana kerja yang gagal dilaksanakan oleh syarikat konsesi itu tadi hendaklah dibuat oleh kontraktor ini dan kosnya akan ditolak dari bayaran yang sepatutnya diterima oleh syarikat konsesi.



3. PBT juga dikehendaki memantau jadual dan speks kerja syarikat konsesi ini sepenuhnya.
4. PBT diminta membuat perkiraan atau anggaran kos berkaitan speks kerja tambahan supaya sesuatu tempat sentiasa kelihatan bersih.

Melalui inisiatif ini Yang Berhormat Dato' Speaker, apabila kesemua maklumat tersebut diperoleh Kerajaan Negeri bersedia, bersedia membantu PBT yang kurang berkemampuan dari segi kewangan untuk menjalankan kerja-kerja *backup* atau tambahan speks kerja tadi sehingga pengambilan penswastaan sepenuhnya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan pula Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan MARRIS untuk tujuan mempertingkatkan penyelenggaraan permukaan jalan-jalan Majlis. Peruntukan ini telah mula disalurkan sejak tahun 2007 hingga sekarang dan untuk makluman, pada tahun lepas sebanyak RM101.7 juta telah diperoleh oleh semua PBT di Negeri Johor ini untuk menyelenggarakan kerja-kerja ini.

Dan, bagi kerosakan jalan berlubang, kesemua PBT juga telah mewujudkan unit penyelenggaraan jalan yang akan mengambil tindakan segera bagi menampal sementara jalan berkaitan. Sementara bagi kerja-kerja penyelenggaraan lampu jalan pula, PBT juga telah melantik kontraktor bagi mempertingkatkan perkhidmatan penyelenggaraan lampu jalan. Dan untuk makluman juga, mulai tahun 2007 Kerajaan Persekutuan telah membiayai separuh ataupun 50% bil elektrik setiap PBT. Sebagai rumusannya PBT disarankan mengambil langkah-langkah segera dan proaktif bagi menangani permasalahan setempat, supaya boleh menyediakan perkhidmatan yang selesa kepada semua pembayar-pembayar cukai.

**Y.B. Dato' Speaker :** Panti.

**Y.B. Dato' Haji Baderi bin Dasuki (Panti) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Pengerusi Kerja Raya dan Kerajaan Tempatan yang telah pun memberikan jawapan yang begitu *detail* mengenai dengan langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mempertingkatkan perkhidmatan kepada pembayar-pembayar cukai di Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri Johor. Cuma saya ingin mengetahui sama ada, adakah pihak PBT menentukan satu *standard time* yang tertentu untuk menyelesaikan segala masalah-masalah yang telah pun dikenal pasti sama ada melalui *complain*, aduan-aduan orang ramai, berapa lama masalah-masalah itu dapat diselesaikan, 3 hari, 4 hari supaya masalah ini tidak berpanjangan dan menyusahkan rakyat terutama sekali dalam perkhidmatan pungutan sampah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pertanyaan yang dibangkitkan oleh ADUN Panti itu kalau saya boleh merujuk kepada misal contoh yang dibangkitkan iaitu pungutan sampah yang dijalankan oleh syarikat konsesi ini, dia

memang ada dia punya jadual. Misalannya di Majlis Bandaraya dan Perbandaran, pusat bandar macam di bandar raya ni pun pusat bandar dia, dia kena angkat tujuh kali seminggu, maknanya tiap-tiap harilah, di pekan, minima enam kali, ini untuk Bandaraya dan Perbandaran saya ambil contoh. Pejabat, sekolah, asrama dan hospital minima enam kali, rumah dan taman perumahan minima tiga kali, sampah longgok di bahu jalan tiap-tiap hari dia kena ambil tujuh kali, pasar awam tong RORO, tong-tong besar yang diletakkan di tempat-tempat tertentu ni yang ada tayar tu, dan tong *compacter* tujuh kali, maknanya tiap-tiap harilah, gerai dan pusat penjaja minimum enam kali, tebing sungai ataupun laut empat minggu sekali maknanya sebulan sekali, ini untuk Majlis Bandaraya dan Perbandaran. Dan untuk Majlis Daerah, rumah kediaman minima tiga kali seminggu, pejabat sekolah asrama, hospital minima dia enam kali, rumah pangsa, rumah kedai, asrama, lot perniagaan enam kali, pasar awam, pasar borong, tong RORO, tong *compacter* minima enam kali, gerai pusat penjaja tujuh kali.

Tetapi memanglah apabila kerja-kerja dibuat oleh SWM, bukan sahaja orang ramai tidak puas hati dan mendatangkan banyak permasalahan dan *complain* melalui Wakil-Wakil Rakyat tetapi juga pihak kerajaan negeri pun selalu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar pun telah menimbulkan perkara ini di peringkat kerajaan menyatakan pendirian kerajaan yang memang tidak puas hati dengan kerja yang dijalankan oleh syarikat konsesi yang dah bersama-sama kita lebih kurang 12 tahun ini secara *interim*. Sebab itu tadi saya jelaskan kita membuat:

1. Inisiatif yang pertama ialah melalui geran yang RM2 juta itu menambahkan pembahagian peruntukan yang saya sebut RM50,000.00, RM100,000.00, RM150,000.00 ikut kategori, itu yang pertama.
2. Atas arahan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri kita telah mengambil langkah inisiatif yang kedua iaitu dengan menyediakan kontraktor *backup* yang telah saya sebutkan tadi iaitu mana-mana kerja yang gagal dilaksanakan kontraktor *backup* ini akan terus masuk, dengan tujuan ialah apabila semua kerja ini dapat dijalankan, insya-Allah kita akan dapat mempertingkatkan lagi bukan sahaja kerja-kerja pengurusan sisa pepejal yang gagal dijalankan oleh syarikat konsesi. Kalau kita berhentikan syarikat konsesi ini daripada segi pembayaran apa ini, sisa pepejalnya, saya rasa keadaan akan jadi lebih teruk kerana syarikat konsesi ini sendiri akan terus tidak boleh bergerak. Jadi kita akan setiap PBT telah diarahkan untuk menentukan apabila misalannya dalam kawasan Bandaraya sampah tak dipungut setiap hari. Katakan hari Ahad dia pungut, Isnin dia tak pungut, Selasa dia pungut, yang Isnin tu mesti dipungut segera oleh Bandaraya, serta merta dengan menggunakan kontraktor *backup* yang ada disediakan di peringkat PBT. Begitu juga keadaannya di Majlis Perbandaran dan seterusnya di Majlis-Majlis Daerah, itu berkenaan dengan pengurusan sisa pepejal.

Dan begitu juga dengan pemotongan rumput, katakan pemotong rumput dia sekarang buat sebulan 2 kali, dia ikut '*alternate week*' dengan izin, tapi kita yang mana minggu pertama dia buat, minggu kedua akan dibuat oleh apa ni PBT, 3 dia buat, 4 PBT buat, ialah kerana untuk menentukan bahawa keadaan rumput sentiasa pendek dan kemas. Begitu juga dengan apa ni sapu sampah, pembersihan jalan, penyelenggaraan jalan yang sekarang ada tempat dibuat oleh urusan di bawah

pihak SWM dan ada juga kawasan-kawasan protokol dibuat oleh selia senggara. Ini pun atas arahan kerajaan negeri akan ditampung oleh kekuatan yang akan diperkukuhkan kewangannya mengikut kemampuan setiap PBT oleh kerajaan negeri. Kos tambahan ini yang diperlukan oleh mana-mana PBT yang tidak mampu akan ditampung oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan keseluruhan kawasan bandar atau dalam Majlis dan Perbandaran dan Bandaraya sentiasa berada di dalam keadaan yang selesa dan yang elok.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Terima kasih Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** Kempas.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Saya rasa kita bukan sahaja menumpukan dalam soal pembersihan parit dan longkang serta penyelenggaraan jalan-jalan sahaja. Saya mengambil contoh seperti taman-taman yang sudah melebihi 30 tahun khususnya di bandar raya Johor Bahru di kawasan saya ini, di mana longkang-longkang ini juga bukan sahaja tersumbat tetapi juga sudah uzur. Saya lihat tidak ada pemantauan dalam soal untuk memperbaiki longkang-longkang yang seperti ini. Di samping itu apakah, sejauh manakah *priority* yang diberikan oleh pihak PBT terhadap kawasan-kawasan perumahan yang sudah melebihi 30 tahun. Dari segi pungutan sampah kita juga mesti menilaikan bukan sahaja kekerapan untuk syarikat konsesi itu mengangkat sampah 3 hari seminggu. Tetapi kita lihat daripada segi kualiti dia, kadang-kadang dia angkat sampah depan rumah berterabur, sampah di letak dalam lori, air meleleh-leleh bau busuk, ini juga perlu dipantau. Selain daripada itu, saya agak musykil dan ingin bertanya kenapakah syarikat konsesi yang diberikan kepada SWM ini sudah 12 tahun hanya di dalam *interim*. Kenapa tidak diikat janji, sekurang-kurangnya kita mendapat kualiti yang lebih baik. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, permasalahan banyak ditanya oleh ADUN Kempas ni. Dia sebut tentang lori rosak, air meleleh, itu apa ini sampah pungut tak betul, ini pekerja dan taman-taman lama yang lebih 30 tahun kerosakan pada longkang dan parit-parit. Ini semua memang ada kita tetapkan speks kerja ini nanti dalam pasukan tindakan khas PTK ini yang ditubuhkan di setiap PBT yang akan memantau kerja-kerja ini termasuklah misalnya lampu elektrik rosak ke, kita nak bertindak cepat. Ini semua memang ada dalam permasalahan yang dibangkitkan oleh apa ni ADUN Kempas itu. Dan harapan kerajaan ialah dengan adanya PTK ini tadi, dengan adanya geran tambahan itu yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan juga dengan adanya bantuan kewangan mengikut kemampuan setiap PBT akan meliputi segala permasalahan yang ditimbulkan oleh kerana apa ini SWM ini sampai sekarang ini pun masih *interim*, kenapa *interim* tu satu persoalan yang lainlah, kenapa dia masih *interim*, kerana penswastaan itu belum lagi dimuktamadkan oleh kerajaan pusat walaupun Akta 67(2) tu tadi saya sebut dah ada dah, dah pun diluluskan oleh Parlimen sejak 2007, cuma kita dimaklumkan akhir ini, insya-Allah katanya dalam bulan ini akan dibawa ke Kabinet dan insya-Allah bulan April nanti akan dikuatkuasakan Akta 67(2) ini.

Cuma nanti dalam, kalau nak cerita bab Akta Penguatkuasaan Akta 67(2) ini, pelaksanaan penswastan sepenuhnya di lapangan akan berada dalam keadaan berperingkat-peringkat. Kita tidak boleh apa ni bertanggapan hari ini swasta penuh, besok semua dah pekerja tambah, lori baru, kelengkapan bertambah dan dia boleh meliputi semua PBT di Negeri Johor. Dia akan berjalan berperingkat-peringkat dalam masa 4 tahun, itu *period* KPI dia, empat tahun. Tahun yang pertama dia nak lengkapkan tambah pekerja, dia nak lengkap, barukan semua lori dia, *compacter* dia, dia nak tambah setiap rumah dia akan beri tong, itu janji dia ikut KPI. Itu setahun kemudian, tahun yang kedua, dia menumpu ke Bandaraya, tahun yang ketiga pergi ke Perbandaran, tahun yang keempat baru dia pergi ke Majlis-Majlis Daerah. Maknanya kalau tahun ini swasta penuh 2014 nanti, mengikut perancangan mudah-mudahan berjaya. Ni dah berapa kali saya cakap kat Dewan ini. Saya janji daripada tahun depan nak *ful l. . . full privatization*, swasta penuh, swasta penuh. Yang terdekat baru-baru ini swasta penuh, nak masuk Kabinet tahun, Eh! tahun ini pulak, bulan ni bulan depan *full privatization* kalau itu berlaku mengikut perancangan ini. Ini janji kali yang terakhir berlaku, 2014 besok baru kita boleh lihat Penswastan Penuh ini meliputi seluruh Negeri Johor.

**Y.B. Dato' Speaker** : Empat tahun lagi... Skudai.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Terima kasih Dato' Speaker. Haa . . . saya telah difahamkan bahawa sebenarnya kontraktor-kontraktor, pengangkutan sampah menghendaki kalau boleh menandatangani perjanjian sekurang-kurangnya selama lima tahun supaya mereka boleh membuat laporan, pelaporan yang lebih nilah.. lebih secara jangka masa panjang. Yang kedua adalah kerajaan, mereka juga mintak kalau boleh... sekarang bayaran adalah satu unit rumah adalah tiga ringgit sebulan. Mereka mintak mempertambahkan bayaran ini. Apakah kuasa Kerajaan Negeri boleh menentukan bayaran kepada kontraktor-kontraktor ?

**Y.B. Dato' Speaker** : Saya pun tak faham...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Saya...saya...saya minta maaf Dato' Speaker, tidak..tidak jelas

**Y.B. Dato' Speaker** : lalah saya.. ulang, ulang sikit. Tak apa.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Kerja Raya dan Kemudahan Awam** : Kejap, kejap.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Soalan saya adalah kehendak sub-kontraktor pengangkutan sampah adalah bayaran dipertingkatkan dari tiga ringgit sebulan satu rumah ke lima ringgit satu unit/satu rumah dan apa kuasa kerajaan Negeri? Sebab saya tahu difahamkan Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih melantik kontraktor. Sama ada Kerajaan Negeri mempunyai sebarang kuasa untuk menentukan bayaran kepada kontraktor?

**Y.B. Dato' Speaker** : Ada ?

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Jadual ni... kadar bayaran kepada sub-kontraktor ni, SWM ni... syarikat konsesi... ini memang jadi satu permasalahan yang besar sekarang, sebab itu mutu kerja apa ni... subkontraktor semakin lama semakin menurun kerana kadar bayaran, kadar bayaran yang diberikan itu tidak pernah disemak semula oleh syarikat konsesi dan ini bukan dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan bukan dalam kuasa kita untuk menentukan supaya SWM (syarikat konsesi) membayar subkontraktor mengikut kadar bayaran terkini. Sebab itu ada di antara banyak subkontraktor pun yang telah tidak..yang telah tidak menjalankan kerja misalannya pelupusan sisa pepejal ini kerana bayarannya memang terlalu rendah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dato' Dr. Adham bin Baba! Jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja):** Speaker! soalan saya nombor dua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Jelaskan jumlah pelajar Johor yang dibawa pulang dari Mesir sewaktu krisis negara itu pada Februari 2011 serta adakah langkah membawa mereka pulang itu tepat?

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikumussalam...

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang terhormat Dato' Speaker! Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat di dewan yang mulia ini, seramai 765 orang pelajar dari Negeri Johor telah dikenal pasti di dalam Ops Piramid pada bulan Februari 2011 yang lalu dan daripada jumlah 765 orang pelajar tersebut, 475 orang pelajar merupakan persendirian, 100 pelajar yang dibantu oleh Majlis Agama Islam Johor dan 190 orang pelajar yang mempunyai penaja seperti ditaja oleh MARA, JPA dan juga lain-lain agensi kerajaan yang lain. Dan Kerajaan Negeri Johor Sentiasa menyokong usaha dan tindakan Kerajaan Persekutuan di dalam usaha untuk membawa pulang rakyat Malaysia yang terperangkap di Mesir. Kerajaan Negeri juga berpendapat bahawa semua rakyat Malaysia dan rakyat Negeri Johor khususnya, seharusnya diberikan perlindungan serta diselamatkan daripada sebarang ancaman dan usaha membawa balik mereka ke Malaysia adalah bertepatan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Pasir Raja.

**Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Dato' Speaker, terima kasih. Saya difahamkan bahawa kos membawa pulang pelajar-pelajar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan begitu besar dan saya nak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah pun memberikan peruntukan kepada pelajar yang balik ke Mesir baru-baru ni. Bolehkah Kerajaan? Bolehkah pihak Kerajaan Negeri Johor memberikan kos yang telah pun ditanggung oleh Kerajaan Negeri Johor dan juga keseluruhan kos serta apakah langkah yang akan dilakukan untuk memantau pelajar-pelajar ini dari segi keselamatan, pembiayaan dan juga pengaruh mereka di sana? Terima kasih.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Johor telah pun membelanjakan sejumlah RM1,564,500 bagi kos penghantaran dan bantuan kepada pelajar Johor yang terlibat dan bagi pelajar-pelajar persendirian dan pelajar di bawah tajaan Majlis Agama Islam serta pelajar di bawah tajaan Yayasan Pelajaran Johor, Kerajaan Negeri menyalurkan bantuan sebanyak RM2,500 seorang. Pelajar-pelajar di bawah tajaan seperti MARA, JPA, Amanah Raya dan lain-lain tajaan, Kerajaan Negeri menyumbang RM500 seorang bagi meringankan beban mereka. Ini kerana pelajar-pelajar di bawah tajaan seperti MARA, JPA dan Amanah Raya serta lain-lain, pelajar-pelajar ini tiket penerbangan mereka ditanggung oleh penaja masing-masing. Dan dari segi usaha kerajaan untuk membantu kebajikan dan memantau kegiatan pelajar-pelajar kita di Mesir. Kerajaan negeri sebenarnya telah bersetuju Yang terhormat Dato' Speaker untuk melantik seorang warden dan juga seorang Pegawai Hal Ehwal Pelajar yang akan bertugas sepenuh masa di Mesir. Dan insya-Allah pelantikan telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Negeri, tak lama lagi kedua-dua pegawai ini akan pergi ke Mesir untuk membantu dan juga menjaga kebajikan pelajar-pelajar Johor di Mesir.

**Y.B. Dato' Speaker :** Maharani.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Saya difahamkan walaupun Kerajaan Negeri telah pun membantu pelajar-pelajar untuk balik kembali ke Mesir tapi ada sebahagian oleh kerana ...mereka pelajar persendirian yang menghadapi masalah walaupun telah dibantu sebanyak RM2,500 masih menghadapi masalah untuk pulang menyambung pelajarannya kerana kesempitan kehidupan. Adakah bantuan tambahan yang boleh diberikan kepada sebahagian kecil pelajar-pelajar yang masih belum kembali ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran kerana masalah kewangan ? Dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah membantu pelajar-pelajar kita untuk kembali ke Mesir dengan memberi bantuan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pelajaran dan Pengajian Tinggi :** Yang Berhormat Dato' Speaker! saya dah sebutkan tadi terdapat 475 pelajar persendirian, pelajar-pelajar ini sebenarnya pergi di atas kurniaan keluarga masing-masing dan sudah tentulah pelajar-pelajar tersebut tidak mempunyai bantuan daripada mana-mana pihak dan sehingga setakat ini sebenarnya kita tidak menerima sebarang aduan daripada pelajar-pelajar persendirian disebabkan mereka mungkin tak mampu untuk melanjutkan pelajaran kerana bila mak bapak menghantar mereka ke Mesir dan tentulah ibu bapa telah pun mengambil kira kemampuan mereka untuk menghantar anak-anak dia belajar dan sekiranya ada kes-kes terpencil yang mungkin betul-betul memerlukan bantuan, itu mungkin...mungkin ada pertimbangan-pertimbangan yang boleh kita ambil kira.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dr. Sheikh Ibrahim bin Salleh! Jemput.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh (Sungai Abong) :** Yang Berhormat Dato' Speaker! Soalan saya soalan nombor tiga.

Apa rasionalnya kenaikan bil air dan kenapa kenaikan begitu ketara sekali. Isi rumah seramai enam hingga sepuluh orang begitu membebankan ?

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pengurusan bekalan air tahun lalu menyaksikan perpindahan rejim baru kepada Kerajaan Pusat yang antara lain bertujuan menyelaraskan tarif-tarif air di seluruh negara. Penyelarasan tarif air yang diumumkan pada November 2010 ditentukan oleh kabinet yang sebelumnya telah pun melalui beberapa proses pembentangan sama di pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) mahupun forum air yang di anggotai oleh kesatuan pengguna serta pelbagai badan bukan kerajaan yang berkaitan dan kemudiannya untuk makluman Kerajaan Negeri. Yang Berhormat Dato Speaker, sungguhpun demikian Kerajaan Negeri membantu dalam usaha dalam beberapa penurunan dalam tarif yang dicadangkan sebelum ini dengan peruntukan sejumlah wang tunai RM1 juta satu tahun yang dinikmati oleh kira-kira 80 peratus pengguna di negeri ini. Justeru itu, Kerajaan Pusat menyifatkan penyelarasan ini secara rasionalnya menggalakkan penjimatan dan mengekang pembaziran yang sekali gus menyumbang ke arah pengurusan permintaan air dengan izin, *water demand management* melalui penurunan kadar kehilangan air tak berhasil. Dia juga mewajarkan pulangan yang setimpal bagi memperbaiki perkhidmatan SAJH kepada pelanggan-pelanggannya serta berdaya maju dalam jangka masa yang panjang ke arah *Full Cost Recovery*, dengan izin. Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam penyelarasan tarif itu bil air domestik masih dalam kemampuan pengguna berdasarkan purata penggunaan kurang daripada 20 ribu liter sebulan sekadar 48 peratus pengguna domestik hanya membayar kenaikan 5 sen sehari sementara 31.1 peratus pengguna dalam lingkungan penggunaan air 21 ribu hingga 35 ribu liter akan membayar kenaikan 8 sen sehari. Satu SMS kalau kita buat ia akan kos lebih kurang kos 10 sampai 15 sen satu SMS dan manakala pengguna yang menggunakan lebih dari 35 ribu liter adalah disarankan supaya lebih berhemah dalam penggunaan air agar kenaikan yang akan dibayar adalah minima. Rasionalnya penyelarasan bil air adalah dalam kemampuan pengguna iaitu 0.7 peratus daripada purata pendapatan bulanan yang masih diparas rendah iaitu 4 hingga 5 peratus seperti yang disyorkan oleh bank dunia. Selain daripada RM 1 juta wang tunai setahun, Kerajaan Negeri juga turut membantu golongan miskin tegar dan miskin melalui potongan rebet yang membabitkan rebet percuma bagi 20 ribu liter. Pertama, bagi golongan miskin tegar dan 10 ribu liter padu, liter pertama bagi golongan miskin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, penggunaan air setiap penduduk di negeri ini menuju ke arah pembaziran. Purata penggunaan air per kapita penduduk di negeri ini menggunakan sebanyak 205 liter air sehari kalau berbanding pengguna di Singapura sebanyak 155 liter sehari. Ini bermakna usaha-usaha konservasi air perlu teruskan untuk masa depan yang terjamin. Oleh itu, saya ingin menasihatkan seluruh pengguna di negeri ini agar menggunakan air secara berhemah agar tidak berlaku pembaziran dan memanjangkan hayat sumber air yang semakin terhad.

**Y.B. Dato' Speaker :** Sungai Abong.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan. Mengikut penjelasan tadi bahawa kenaikan kadar air hanya sekitar RM0.05 dan RM0.08 sehari bagi kebanyakan pengguna-pengguna yang disebut tadi tapi saya kurang pasti adakah ini hanya di atas kertas tapi dalam realitinya, bagi satu keluarga yang mempunyai anak yang bilangannya antara enam ke atas, saya telah mendapat aduan bahawa kenaikannya bukan sekadar RM0.05 atau RM0.08 sehari, ianya melangkaui hingga sampai 100% sebulan, 100%. Kalau dulunya mereka membayar RM40.00 dan kadar yang baru ini, mereka terpaksa membayar hingga RM80.00. Jadi saya tak nampak bagaimana RM0.05 dan RM0.08 bertepatan dengan yang realiti tadi tu. Adakah pihak kerajaan telah memantau dengan kenaikan ini, betul tak RM0.05 atau RM0.08? Tapi yang saya tau 100%.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat tengok bilnya? Bil air tu Yang Berhormat tengok?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Saya duduk seorang, jadi tak beban sangat.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh! Duduk seorang?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Duduk seorang.

**Y.B. Dato' Speaker :** Mana orang rumah?

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Bapa tunggal sementara.

**Y.B. Dato' Speaker :** Oh! Merbahaya tu, ha yelah.

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Jadi bagi yang keluarga besar Yang Berhormat Dato' Speaker, kenaikan ini adalah 100%. Jadi saya minta Kerajaan Negeri memantau dan mengkaji semula masalah ini, terima kasih.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, memang kalau itu kes individu saya memohon Yang Berhormat daripada Sungai Abong tu bagi perkara yang betul, kasi kita siasat bukan kasi kita...

**Y.B. Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh ( Sungai Abong ) :** Ha, insya-Allah, saya ada dia punya bilnya.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Sila bagi bil. Dalam catatan dan juga semakan SAJH tu, kalau kita gunakan bil tu memang kalau lebih daripada sehingga 35,000 liter iaitu bagi isi rumah lebih kurang 6 orang. Kalau kita gunakan 205 liter sehari seorang itu, itu patut digunakan. Average, dengan izin, di Negeri Johor setiap orang gunakan 205 liter air sehari, jadi kalau kita kata 30 hari, masuk 5 hingga 6 orang dalam isi rumah, patutnya tak guna sampai lebih daripada 35,000 liter sebulan. Jadi bil air dia patutnya RM36.75. Jadi kalau lebih daripada itu, kita kena siasat balik sama ada ada pembocoran dalam rumah selepas meter itu ataupun pembaziran itu berlaku di mana-



mana. Jadi SAJH akan membantu siasat, jadi kita akan siasat balik. Saya memohon Yang Berhormat bagilah bukti-bukti siapa itu, di mana akaun itu untuk membolehkan SAJ ambil tindakan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Bentayan.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan)** : Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat EXCO cakap, menyatakan bahawa pengguna perlu jimatkan air, tapi di kawasan saya, saya tengok banyak paip-paip besar bocor dan kemudian penduduk buat aduan kepada SAJ, tetapi kadang-kadang SAJ menggunakan masa 2, 3 hari, 1 bulan, dekat Mengkibol 1 bulan untuk membetulkan keadaan tu. So, nak betul pun di waktu lepas pejabat, mungkin nak *claim OT* ke ape, so *I think* tak patutlah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Soalan Yang Berhormat, soalan?

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan)** : Soalan itu macam mana SAJ untuk membetulkan keadaan ini supaya air dapat dijimatkan kemudian kadar air dapat diturunkan? Terima kasih.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Dato' Speaker, memang di Negeri Johor kita mempunyai lebih kurang 19,000 km paip besar dan kecil. Jadi, kita memang mempunyai masalah tentang paip-paip tu. Satu, kita kena ganti paip lama yang paip lama itu dulu ditanamkan, kita pun tak tau di mana paip itu, berapa dalam bawah tanah dan juga paip lama itu ada jenis *asbator* simen, senang di pecah. Kalau ditekan daripada atas, mungkin dipecah dan sudah lama. Jadi selepas SAJ ambil alih dari Negeri Johor, kita sudah gunakan sistem di mana setiap paip ditanam itu kita bagi sijil beranak, *birth cert* kasi dia. Maknanya kita ada sijil yang menunjukkan di mana paip itu ditanam, berapa dalam dan apa jenis paip itu.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya ialah paip yang bocor di permukaan bumi bukan dekat dalam.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar** : Sekejap, sekejap.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, dia belum jawab, dia tengah jawab.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar** : Sabar, saya jawab *you* punya soalan. Jadi bila mana ada paip bocor, dia SAJ kalau dia dapat dia bagi tau SAJ, SAJ akan ambil masa dalam paip yang kurang daripada, kalau saya tak silaplah serta-merta kurang daripada 200mm itu, dia perlu 14 jam untuk memperbaiki pembocoran paip dan kalau ia lebih daripada, kalau 200mm itu, kemungkinan ada gunakan 18 jam, Yang Berhormat Dato' Speaker. Kalau besar seperti 900mm itu, itu akan jadikan satu krisis, kita namakan *emergency crisis*, dengan izin. Itu perlu gunakan masa, pakai masa mungkin 2 hari atau 3 hari. Kalau 1,200 lagi besarkan paip itu, itu ambil masa sikit, jadi kita kena tutup itu. Jadi itu adalah *Standard Operating Procedure* yang diadakan.

Kemungkinan ada kesilapan sini sana, kita mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat daripada Maharani dan kita akan tengok mana kes itu.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Bentayan, Bentayan.

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Kita akan ambil tindakan untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Aziz bin Haji Sopian jemput.

**Y.B. Datuk Haji Aziz bin Haji Sopian (Nusajaya) :** Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 4.

Cabaran Pluralisme di Negeri Johor. Sejauh manakah tindakan proaktif Jabatan Agama Johor bagi menangani fahaman pluralisme ini?

**Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Bismillahirrahmanirahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker :** Waalaikummusalam.

**Pengerusi Jawatankuasa Agama :** Yang Berhormat Dato' Speaker, fahaman Pluralisme adalah satu kumpulan kecil masyarakat Islam yang berfahaman bahawa semua agama adalah sama dan benar disebabkan semua agama mempunyai Tuhan dan menganjurkan kepada kebaikan. Mereka mendakwa Agama Islam bukanlah agama yang paling benar dan menganjurkan masyarakat Islam menerima konsep kesamarataan dalam beragama mengikut kaedah lintas agama. Antara kaedah pelaksanaannya ialah konsep perkahwinan campur iaitu menghalalkan perkahwinan antara penganut-penganut yang berbeza agamanya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sehingga ke hari ini, Kerajaan Negeri tidak ada menerima sebarang aduan berkaitan dengan kumpulan yang berpegang dengan fahaman Pluralisme ini di Negeri Johor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa peka dengan fahaman Pluralisme ini. Salah satu langkah yang diambil bagi mencegah fahaman ini berleluasa, Kerajaan Negeri sentiasa menekankan bahaya fahaman ini melalui ceramah-ceramah, seminar, forum, khutbah, di samping mengedarkan risalah dan bahan bacaan yang menjelaskan tentang gerakan fahaman ini untuk makluman dan panduan masyarakat Islam di Negeri Johor. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, Jabatan Agama Johor telah sejak 2006 mengadakan sendiri penjelasan Aqidah Ahli Sunnah Waljamaah yang juga merangkumi ajaran-ajaran sesat, ajaran Islam liberal, Wahabi dan pada yang terakhirnya pada 2011 juga diadakan seminar tentang ancaman fahaman Syiah, terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Datuk Dr. Adham bin Baba, jemput.

**Y.B. Datuk Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

Adakah Kerajaan Negeri Johor berpuas hati terhadap pembinaan semua gelanggang futsal pada tahun 2010 yang dilaksanakan oleh Jabatan Belia dan Sukan negeri?

**Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pembinaan gelanggang futsal 1Malaysia adalah berdasarkan spesifikasi yang ditentukan oleh Pihak Kementerian Belia dan Sukan dan diperakukan oleh pihak perunding yang telah dilantik iaitu Azhar Jurutera Perunding untuk menentukan spesifikasi binaan serta kualiti gelanggang manakala JY Cost Plan bertanggungjawab bagi menentukan kadar kos bahan. Setiap gelanggang yang dibina akan dipantau oleh juru perunding tersebut dan perakuan siap akan dikeluarkan setelah gelanggang selesai dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan kontraktor yang bertanggungjawab membina gelanggang dilantik melalui Jawatankuasa Sebut Harga di peringkat Jabatan dan Sukan Negeri Johor. Secara keseluruhannya, pihak Kerajaan Negeri Johor berpuas hati terhadap pembinaan gelanggang futsal 1Malaysia di seluruh negeri ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Permas Jaya.

**Y.B. Encik Munusamy a/l Mareemuthu (Permas Jaya) :** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan tambahan saya. Pada tahun lalu, pihak Jabatan Belia dan Sukan telah bercadang untuk membina futsal dan juga gelanggang *multi sport complex*, tetapi apa yang saya pastikan banyak program-program atau pun projek-projek yang dicadangkan itu belum dapat dijalankan walaupun kita telah buat perjanjian kepada masyarakat tempatan dan tahun ini pula saya difahamkan bahawa pembinaan ini mungkin boleh dijalankan tetapi tidak tahu bila program apa tu, projek-projek ini akan dimulakan. Saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan projek-projek yang belum dapat dilaksanakan ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan :** Yang Berhormat Dato' Speaker, projek untuk membina gelanggang futsal pada asalnya diperuntukkan satu kawasan Dewan Undangan Negeri tu sebanyak 2 gelanggang dan secara keseluruhannya 112 gelanggang dan dalam masa yang sama terdapat juga peruntukan-peruntukan tambahan yang sehingga hari ini di seluruh Negeri Johor ada 151 gelanggang, maknanya mungkin ada di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri tertentu yang lebih daripada 2 gelanggang dan projek-projek yang seterusnya adalah bergantung kepada peruntukan yang diberikan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui Bahagian Pembangunan yang mana pada tahun lepas memang kita ada beberapa kekangan tertentu dan mungkin mana-mana yang belum dapat dibina akan dibawa ke tahun 2011, lah.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, jemput.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sopian (Kempas) :** Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya nombor 6.

Sila jelaskan berapa ramaikah pekerja-pekerja tempatan yang dibuang kerja dalam tahun 2010 serta pekerja asing pula yang terdapat di beberapa sektor pekerjaan di Negeri Johor?

**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi :**

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, sepanjang tahun 2010 sebanyak 42 buah syarikat telah memberhentikan pekerja mereka yang melibatkan seramai 1,873 pekerja tempatan. Dari jumlah berkenaan, 28 syarikat di Johor Bahru telah memberhentikan 1,479 orang pekerja, 7 buah syarikat di Batu Pahat melibatkan 169 orang pekerja, 3 syarikat di Muar melibatkan 136 pekerja, 2 buah syarikat di Kluang melibatkan 55 orang pekerja dan 2 buah syarikat lagi di Segamat melibatkan 34 orang pekerja.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dari 42 syarikat yang memberhentikan pekerja mereka, 28 syarikat adalah dari sektor pembuatan dan lain-lain sektor yang terlibat adalah perdagangan, hotel dan restoran. Manakala kategori pekerja yang terlibat pula adalah pekerja dalam kumpulan juruteknik dan kerja yang berkaitan, perkeranian, pentadbiran dan pengurusan, pekerja perkhidmatan dan jualan, operator mesin dan juga profesional. Antara sebab-sebab mengapa pekerja ini diberhentikan ialah:

1. Penutupan syarikat sepenuhnya
2. Pengurangan pengeluaran
3. Pengecilan tenaga kerja
4. Penyusunan semula organisasi

Yang Berhormat Dato' Speaker, berhubung dengan bilangan pekerja asing di Negeri Johor, pada tahun 2010 terdapat seramai 200,824 orang pekerja asing di Negeri Johor. Adalah didapati terdapat sedikit penurunan jika dibandingkan jumlah pekerja asing pada tahun 2009. Bagi tahun 2009, jumlah pekerja asing di Negeri Johor adalah seramai 205,881 orang. Dari jumlah berkenaan, pekerja asing paling ramai adalah dari Indonesia dan diikuti oleh Nepal, Vietnam dan Myanmar.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Soalan tambahan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Kempas.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas) :** Terima kasih Dato' Speaker. Kita telah dengar khususnya di daerah Johor Bahru ini ada 1,479 pekerja daripada 28 syarikat yang diberhentikan, yang dibuang, ataupun ditamatkan tempoh kontraknya. Dalam erti katanya, mereka ini jadi penganggurlah, senang cakap. Tetapi saya acap kali didatangi oleh mereka-mereka, pengusaha, khususnya dalam soal pengusaha restoran dan sebagainya, perkhidmatan dan sebagainya. Mereka sering nyatakan mereka kekurangan pekerja, ha, nak mencari pekerja sekarang, pihak KDN tak meluluskan untuk mendapatkan tenaga kerja daripada luar melainkan ada sektor-sektor yang tertentu sahaja yang dibenarkan. Tetapi kalau restoran, dia kata tak boleh. Tapi saya hairan, kenapa ada sektor hotel dan restoran ini masih ada pemberhentian atau pembuangan kerja? Saya nak tahu pihak Jabatan Sumber Manusia ni, saya pernah dengar, adalah program-program yang diadakan di

kompleks-kompleks ini untuk memberikan penerangan dan juga memberitahu kepada penganggur-penganggur ini ada sektor-sektor yang boleh dipohon untuk bekerja. Tetapi saya tengok program ini setahun sekali sahaja. Adakah perancangan pihak kerajaan...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, soalnya apa?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Untuk mengadakan program yang seperti itu, konsisten...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yalah, soalan Yang Berhormat ni apa?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Sekurang-kurangnya...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ni Yang Berhormat macam berucap.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Satu bulan empat kali, sekurang-kurangnya dapat tahu daripada...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ha, iyalah...

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Majikan kekurangan pekerja dan juga dapat memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang telah mereka-mereka yang tidak bekerja untuk mendapatkan pekerjaan.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Adakah perancangan seperti ini dibuat, dan kalau tidak, apakah cara-cara lain yang ...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, ok.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Perlu pihak kerajaan mungkin dibuat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok, Yang Berhormat, soalan asal pun lain tu.

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat tanya jumlah aje. Iya, apa cerita?

**Y.B. Dato' Haji Osman bin Haji Sapian (Kempas)** : Dato' Speaker ni, susah sikitlah.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi** : Yang Berhormat Dato' Speaker, dari segi program saya ingat, terima kasih kepada soalan tambahan tadi. Dari segi program yang bakal diusahakan oleh Jabatan, Kementerian Sumber Manusia di peringkat Negeri di bawah Jabatan Tenaga Kerja apa yang disebut dalam Bajet 2011 iaitu Program KEPAK. Program KEPAK ini dia melibatkan program dan peluang-peluang yang diberikan dari segi peluang kerja,

peluang perniagaan dan juga peluang kemahiran. Program-program ini sebagai contoh pada bulan ini akan dilancarkan di Johor Bahru bagi memberi peluang kepada pencari-pencari kerja dan juga kepada mana-mana individu yang telah diberhentikan kerja untuk mendapatkan peluang-peluang perniagaan dan juga peluang latihan bagi meningkatkan kebolehan mereka. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, soalan lisan dah habis. Sekiranya ada soalan yang disenaraikan belum dijawab secara lisan, akan dijawab secara bertulis dalam Persidangan yang sama.

**Jurutulis :** Soalan-soalan bertulis. Jawapan kepada soalan-soalan bertulis ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

**Jurutulis :** RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN 2011 NO. 1 TAHUN 2011.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 No.1 Tahun 2011 dibaca kali yang pertama.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang pertama.

**Jurutulis :** Suatu enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa saya akan membawa Rundingan untuk bacaan kali kedua bagi Rang Undang-Undang ini pada hari ini juga dan saya membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Rundingan dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jempit angkat tangan, yang tidak bersetuju, Peraturan Tetap 112 (2) ditangguhkan sementara.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker, menurut Peraturan Tetap 59, saya memohon supaya Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan, diperbahaskan.

**Y.B. Dr. Mohamad bin Taslim (Maharani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dia ni tak sampai masa dia Yang Berhormat dah cakap. Ini Yang Berhormat baru nak membentangkan perkara yang akan dibahas, nanti dalam perbahasan kalau Yang Berhormat tak cukup, ini tengah bentang, tak boleh ditegur, bila sampai masa dia aje, bacaan kali kedua. Ni Yang Berhormat menyokong pun, main nyokong aje, salah, sokong dia tu tak betul. Ya, yang tengah cakap dia bentang, dia bentang dulu, masuk aje dalam Jawatankuasa, kalau nak cakap, cakaplah. Kalau takde, takdelah, eh. Jangan nyokong aje. Ah, ha, yang ni dia ajak Yang Berhormat salah, Yang Berhormat ikut dia salah aje. Ok.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Tambahan peruntukan ini merupakan tambahan yang pertama bagi Perbelanjaan Bekalan Tahun 2011. Tambahan peruntukan yang diperlukan adalah sebanyak RM3,060,000.00 sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Enakmen Perbekalan Tambahan di bawah tiga Jawatankuasa seperti berikut:

1. Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan, Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor, RM1,870,000.00;
2. Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor, RM745,000.00;
3. Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Johor, RM445,000.00.

Penjelasan lanjut bagi tambahan-tambahan tersebut akan diberi dalam peringkat Jawatankuasa berkenaan.

**Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan tersebut.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, oklah. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, Rang Undang-Undang ini dibaca kali kedua.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat nak apa?

**Jurutulis :** Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan Tahun 2011 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk Maksud-Maksud yang tertentu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

**Jurutulis :** JADUAL.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM39,000.00 bagi Maksud B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.01 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM39,000.00 bagi menampung bayaran Bantuan Insentif Penyesuaian Perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapat keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju, perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM134,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Menteri Besar; RM153,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor; RM176,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor dan RM116,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor, jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Jurutulis Dewan Undangan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM176,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar. Di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Pejabat Unit Sains Teknologi dan ICT Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM116,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara ini dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM96,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Kerajaan Tempatan, RM186,000.00 bagi Maksud B.03 Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dan RM30,000.00 bagi Maksud B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM96,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar. Begitu juga di bawah Maksud Bekalan B.03, Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Bahagian Perumahan pula, diperuntukkan sebanyak RM186,000.00 untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar juga. Dan di bawah Maksud Bekalan B.03 diperlukan Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, Jabatan Landskap sebanyak RM30,000.00 untuk menampung pembayaran yang sama.



**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara ini dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM323,000.00 bagi Maksud B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.04, Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM323,000.00. Sebanyak RM11,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran tunggakan kenaikan gaji dan kenaikan pangkat anggota jabatan. Sebanyak RM304,000.00 diperlukan bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar dan bayaran insentif tugas kewangan yang lulus peperiksaan di BITK sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran bantuan khas kepada anggota lantikan baru, manakala selebihnya sebanyak RM4,000.00 diperlukan bagi menampung bayaran ganjaran tamat kontrak kepada anggota jabatan.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara ini dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM190,000.00 bagi Maksud B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor, RM165,000.00 bagi Maksud B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor dan RM90,000.00 bagi Maksud B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.07, Jabatan Pertanian Negeri Johor diperuntukkan sebanyak RM190,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar. Di bawah Maksud Bekalan B.08, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM165,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar. Di bawah Maksud Bekalan B.10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor diperuntukkan RM90,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM159,000.00 bagi Maksud B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.13, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, diperuntukkan sebanyak RM159,000.00 kerana menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM192,000.00 bagi Maksud B.19, Jabatan Perhutanan Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.19, Jabatan Perhutanan Negeri, diperuntukkan sebanyak RM192,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM274,000.00 bagi Maksud B.24, Jabatan Kerja Raya Negeri Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan B.24, JKR diperuntukkan sebanyak RM274,000.00 untuk menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru Kota Iskandar.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan, Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan.

Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya peruntukan wang berjumlah RM735,000.00 bagi Maksud B.51, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor dan RM2,000.00 bagi Maksud B.60, Pejabat Tanah Kulai Johor jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Y.A.B. Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Pengerusi, bagi Maksud Bekalan B.51, Jabatan Tanah dan Galian Negeri Johor, diperuntukkan sebanyak RM735,000.00 bagi menampung pembayaran bantuan insentif penyesuaian perpindahan ke Pusat Pentadbiran Baru, Kota Iskandar. Di bawah Maksud Bekalan B.60, Jabatan Tanah Kulaijaya Johor, diperuntukkan sebanyak RM2,000.00 bagi menampung pembayaran Gantian Cuti Rehat kepada anggota yang bersara.

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Perkara itu dipersetujukan jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 2.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Jadual Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal Yang Pertama.**

**Y.B. Dato' Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Fasal Yang Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**Y.A.B Dato' Menteri Besar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu-persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**Y.B. Dato' Speaker:** Perkara di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2011 nombor 1 Tahun 2011 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut:- Enakmen ini bolehlah dinamakan**

**Enakmen Perbekalan Tambahan (2011) (No. 1) Tahun 2011.**

**Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya memohon membawa Rundingan supaya Dewan kita ini ditangguhkan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha...

**Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Tenaga, Air, Komunikasi dan Alam Sekitar :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon menyokong Rundingan itu.

**Jurutulis : Ucapan Tangguhan Mesyuarat.**

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker,

**Y.B. Dato' Speaker :** Ya.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Menurut Peraturan Tetap 119(5), Ahli-Ahli Dewan yang telah berucap semasa Persidangan Penggal ini tidak boleh berucap lagi. Saya ingin Jurutulis menyemak, setahu saya Yang Berhormat Yong Peng, Lim Kee Moi dan Yang Berhormat Hamimah telah berucap dalam Dewan ini untuk Ucapan Tangguhan pada Persidangan ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ha, Ahli Yang Berhormat sekalian, Ahli yang dah berucap ini betul ada dalam Peraturan. Dalam satu Penggal sekali sahaja dia boleh berucap, tapi lepas satu penggal dia boleh berucap. Makna selepas Ke Bawah Duli membuka Penggal yang ke-6, yang ke-7, lepas itu dia akan berucap sekali sahaja. Tapi kalau ini tidak melibatkan Ahli Yang Berhormat boleh berucap, jadi saya harap Ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan nama ni memastikan minta Jurutulis *check* tidak pernah berucap dalam Penggal yang lepas. Ok, Jurutulis.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Yang Berhormat, Peraturan juga. Yang Berhormat bagi Ucapan Tangguhan yang dikemukakan oleh ADUN daripada Tenang, maka sebelum beliau, Yang Berhormat Tenang mengangkat sumpah, bolehkah Yang Berhormat Tenang mengambil bahagian dalam buang undi, bagi Maksud pemilihan untuk ADUN yang berucap Tangguhan. Jadi saya merujuk Fasal Ke-3 memang, sebelum seseorang Ahli mengangkat sumpah beliau tidak boleh menyertai termasuk penyerahan soalan-soalan sama ada lisan ataupun bertulis juga.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok, Yang Berhormat, mengikut Fasal Perlembagaan Negeri Johor, Fasal 25(1), Ahli-Ahli Yang Berhormat, disahkan menjadi ADUN di kawasan berkenaan ialah apabila diisytiharkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Yang Berhormat sedia maklum, bila Suruhanjaya mengumumkan seorang itu menjadi ADUN mulai tarikh yang diumumkan itu. Cuma, Ahli Yang Berhormat itu tidak boleh mengambil bahagian dalam ucapan dan juga yang lain-lain sekiranya dia belum angkat sumpah. Tapi, yang undi untuk menentukan Ucapan Penangguhan itu dia tidak ambil bahagian, dia tidak undi, dalam masa pemilihan bersurat dan Ucapan Penangguhan ini dia boleh buat dan boleh berucap apabila dia telah mengangkat sumpah dan beliau telah pun mengangkat sumpah sebelum dia berucap.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Apa yang saya hendak menegaskan adalah bahawa teks Ucapan Tangguhan telah diserahkan kepada...

**Y.B. Dato' Speaker** : Tidak...

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Jurutulis sebelum...

**Y.B. Dato' Speaker** : Betul.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Beliau di..

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat...

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Disahkan sebagai ADUN yang sah melalui angkat sumpah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat, kejam.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Ini memang tidak boleh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Eh, Yang Berhormat tidak, boleh saya cakap sikit Yang Berhormat? Yang Berhormat ini langgar saja ikut-ikutan suka je cakap tidak ikut Peraturan. Saya dah cakap ini dalam Perlembagaan Negeri Johor, Yang Berhormat tengok dalam 25(1). Dia tidak boleh main-main berucap dalam Dewan selagi dia tidak angkat sumpah dan mengambil tempat. Dia masa dah sahkan di dalam Dewan, maka dia buat soalan, dia nak menyokong, dia nak pergi mana sudah sah jadi Wakil Rakyat, cuma tidak boleh berucap dalam Dewan Negeri selagi belum angkat sumpah. Itu saja. Dalam soal dia dalam Dewan, dah jadi Wakil Rakyat, dia nak soal kat Dewan, soallah, bukannya dia nak berucap. Dia hantar soalan, bertulis boleh, sah. Yang Berhormat, tu benda *simple* jelah tak payahlah. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Ya, lagi saya rasa menurut Peraturan Tetap 119 (4) cuma 5 orang boleh diberikan peluang berucap.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ha'ah.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Kalau kita tolak 2, sebenarnya setahu saya pada jam 11:23 pagi, 11 haribulan Mac, cuma 6 orang sahaja Ahli Dewan yang hantar Ucapan Penangguhan. Tapi pada 12:13 petang, saya dimaklumkan 8 orang pula. Itu selepas tarikh penutup. Saya rasa kita sebagai Wakil Rakyat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Eh, ini yang bila Yang Berhormat? Ini bila punya kes ini?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Saya ada bukti.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak, tak. Bila, bila?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Apa tu? 12:13 petang, 11 haribulan Mac. Tarikh penutup adalah 10 haribulan Mac.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tidak, mungkin dia hantar SMS? Hantar faks?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Tak apa, saya sudah hantar satu surat pada Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ok.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, sebab saya rasa ini satu perkara yang serius. Saya tidak salahkan mana-mana pihak. Saya hendak tahu kebenaran bagaimana perkara ini berlaku. Sama ada Dewan ini tidak benarkan kita Wakil-Wakil Rakyat dari pembangkang untuk memberikan pandangan berkenaan dengan kebaikan untuk rakyat kita.

**Y.B. Dato' Speaker :** So, begini.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ini bukan pertama kali berlaku. Saya sudah berunding khasnya dengan Pengerusi *Back Bencher*, Datuk Hamid, Yang Berhormat Machap, kita kalau 5 orang berucap, 4 orang bagi parti pemerintah, ok, kita minta seorang sahaja, tapi tidak bagi.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya dalam hal ini dia tidak pernah berunding pun dengan saya. Dalam hal, semuanya ini satu pembohongan. Takkan dalam Dewan pun hendak berbohong Dato' Speaker? (Dewan bertepuk).

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Nanti, pernah berunding. Saya seorang jujur, Dato' Speaker. Saya tidak ambil mana-mana kepentingan daripada kerajaan ke, pihak swasta. Saya tak ada bisnes tapi Yang Berhormat, Datuk Yang Berhormat Machap itu, beberapa kali saya berunding dengan beliau, dia tak bagi tak apa, tapi jangan kita kena siasat, siapa yang campur tangan, siapa yang bagi pengaruh atau tekanan kepada pihak yang tertentu supaya tukar kebenaran itu.

**Y.B. Dato' Speaker :** Ini, satu..

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Ini suatu perkara yang serius.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, yalah tak apa. Ini satu tuduhan...

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap) :** Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker** : Kiranya...

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Kita ikut ada Peraturan Dewan, ikut Peraturan Dewanlah.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya. Betul tu.

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Kalau hendak, kita buat sesuatu ini...

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat...

**Y.B. Datuk Haji Abd. Hamid bin Haji Abd. Rahman (Machap)** : Ubah Peraturan. Selesai cerita.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Saya setuju Yang Berhormat Dato' Speaker, kita ikut Peraturan, tetapi Peraturan tidak dipatuhi. Menurut asas Perkara 119...

**Y.B. Datuk Ng. See Tiong (Parit Yaani)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cadangkan supaya Ucapan Penangguhan diteruskan.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai)** : Undian harus secara telus.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat. Tak apa, saya ambil ingatan di atas teguran Yang Berhormat, yang ada menyebutkan benda ini dihantar lewat ke tak lewat, baru Yang Berhormat timbulkan cerita ini. Eh, Yang Berhormat nanti. Dan ini dia tidak ada berkaitan dengan perkara-perkara yang lain, hanya Ucapan Penangguhan, itu sahaja. Cuma Yang Berhormat tuduh, dia kata lewat tarikh, dah tutup tarikh, tapi ini satu tuduhan. Jadi saya nanti minta pihak Jurutulis menyiasat perkara Yang Berhormat timbulkan itu, sama ada benar ataupun tidak. Sebab dalam Dewan ini bila Yang Berhormat berucap, Yang Berhormat menegur perkara macam ini, besok keluar surat khabar seolah-olah kita salah. Tapi Yang Berhormat dah cakap, kalau benda itu pun tak betul pun Yang Berhormat dah berucap, surat khabar dah kata, Dewan itu tak adil, Speaker tidak adil, tapi Yang Berhormat mahu menyebabkan mengatakan perkara betul berlaku. Saya mintalah nanti Jurutulis menyiasatkan perkara itu sama ada ia betul atau tidak?

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Minta maaf Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ha.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Perkara ini telah pun dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Sebab ini bukan perkara saja.

**Y.B. Dato' Speaker** : Tidak payah. Nanti, ini perlu menyiasat dulu. Yang Berhormat, dia tak payah sebut.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Pertama, oleh Jurutulis. Dato' Speaker, ... Yang Berhormat tengah berucap.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya rasa tidak perlu buang masa lagi sebab...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat. Tak, tak Yang Berhormat.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Tujuan beliau ialah publisiti.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Yang Berhormat Parit Yaani, .. berhenti. Kita bukan cakap...

**Y.B. Puan Hamimah binti Mansor (Penawar) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, hampir sepenggal saya jadi Wakil Rakyat belum pernah bercakap dalam Ucapan Penangguhan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa? Yalah.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, pada kali ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bukan. Itu sebab saya...

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Kita mesti diberi peluang untuk berucap.

**Y.B. Dato' Speaker :** Nanti. Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Pada kali ini, Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, ini cerita Penangguhan kita ikut Peraturan. Ok, saya tengok kalau tuduhan Yang Berhormat itu betul, saya cadangkan supaya Jawatankuasa bertindak mengambil tindakan terhadap Yang Berhormat kalau ianya tidak betul. (Dewan bertepuk). Makna bila Yang Berhormat tuduh, di dalam Dewan, maknanya itu tuduhan yang berat, bukannya benda dalam ini Yang Berhormat boleh bercakap ikut suka hati Yang Berhormat? Tidak, ada Peraturan. Saya pun ikut Peraturan. Kalau benda itu betul, betullah Yang Berhormat, tapi kalau benda itu salah, maknanya itu tuduhan yang berat kepada ADUN yang berkenaan dan kita akan menyiasat perkara ini dan kita akan cadangkan pada mesyuarat Dewan yang akan datang. Ok, Ucapan Penangguhan diteruskan, jemput. Yang Berhormat Encik Mohd Azahar bin Ibrahim.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Speaker, minta maaf...

**Y.B. Dato' Speaker :** Jemput.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Sebab ada Ahli-Ahli Dewan yang telah berucap.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah, dah, dah. Tak perlu.



**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Membuat pengundian untuk...

**Y.B. Dato' Speaker** : Iyalah itu saya kata kat dia.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Memberikan peluang untuk Y.B. berucap. Mereka sebenarnya kena tarik diri bagi laluan bagi 2 orang.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

**Y.B. Dato' Speaker** : Dia hendak berucap, Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia.

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Tenang,sila duduklah.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Nanti jap. Dah tak payah. Saya jemput dia.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Terlebih dahulu, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin, limpah kurnia-Nya saya diberikan kesempatan, ruang serta peluang untuk hadir dan bersama dalam Persidangan di Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kerana diberikan peluang dan kesempatan dalam sesi Ucapan Penangguhan bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Johor kali ke-12 pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih, pada pucuk pimpinan parti yang telah memilih saya sebagai calon Barisan Nasional untuk Pilihan raya Kecil Dewan Undangan Negeri Tenang (Dewan bertepuk). Khusus saya tujukan penghargaan ini kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Amat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor. Apatah lagi kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Menteri Besar Johor selaku Pengarah jentera Pilihan raya kecil DUN Tenang ini, telah melaksanakan tugas (Dewan bertepuk), amanah ini dengan jayanya. Kejayaan ini bukan untuk sesiapa, tetapi ianya merupakan kejayaan ini kita bersama iaitu Barisan Nasional yang menjadi wadah perjuangan untuk membela rakyat (Dewan bertepuk). "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Insya-Allah, saya yakin dan percaya kejayaan kita ini di DUN Tenang ini merupakan suntikan semangat kepada Barisan Nasional untuk terus mempertahankan negeri bertuah Johor ini sebagai kubu kuat Barisan Nasional (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, dalam kesempatan ini juga saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Bahagian-Bahagian angkat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional Negeri Johor (Dewan bertepuk). Dan tidak ketinggalan, Ahli-Ahli Parlimen Barisan Nasional Negeri Johor, yang telah bersama-sama bekerja kuat, bertempur dengan pembangkang tanpa merasa halangan dan

kekangan termasuk banjir yang melanda Tenang pada hari pembuangan undi (Dewan bertepuk).

Namun atas semangat muafakat, kerjasama dan iltizam yang tinggi untuk Parti, semuanya tidak mudah untuk mematahkan semangat kita. Tapi sebaliknya memberi dorongan untuk kita bekerja dengan lebih baik lagi. Hasilnya, dengan izin Allah, telah tercipta kenangan yang cukup manis. Majoriti kita bertambah, sekali gus membuktikan bahawa Barisan Nasional masih relevan dan mendapat tempat di hati rakyat (Dewan bertepuk).

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Bantahan.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Ini dapat dibuktikan lagi...

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Segala kejayaan yang dicapai.

**Y.B. Encik Gwee Tong Hiang (Bentayan) :** Ucapan bukan ucapan politik di sini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, dalam ucapan...

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Rakyat semakin matang berfikir...

**Y.B. Dato' Speaker :** Apa perkara pun boleh disentuh. Asal kalau menyentuh peribadi Yang Berhormat, boleh, tapi dia nak ucapkan parti ini kat Parlimen Yang Berhormat. Kat negeri-negeri bagi pembangkang memerintah pun lagi teruk juga, ikut suka dia, itu tak ada benda. (Dewan bertepuk).

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai) :** Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Dah, tak usahlah. Eh, Yang Berhormat teruslah.

**Y.B. Encik Ong Kow Meng (Senai) :** Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker :** Tak apalah, itu tak ada benda Yang Berhormat.

**Y.B. Dato' Hj. Abd. Halim Sulaiman (Puteri Wangsa) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, yang tak sesuai, dia ganggu orang je. Ikut Peraturan...

**Y.B. Dato' Speaker :** Permas dengan Puteri Wangsa duduk.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cadangkan di Dewan ini...

**Y.B. Datuk Hj. Aziz bin Sopian (Nusajaya) :** Skudai dah sakit ini.

**Y.B. Dato' Speaker :** Bentayan.

**Y.B. Datuk Ng See Tiong (Parit Yaani) :** Ambil tindakan keluarkan dia dari Dewan.

**Y.B. Dato' Speaker :** Yang Berhormat, saya, sekejap. Saya nak ingatkan. Yang Berhormat. Inilah bila tidak ikut aturan. Bila tidak ikut undang-undang. Saya tidak faham, dalam undang-undang Yang Berhormat, dalam Ucapan Penangguhan Yang Berhormat semua dia boleh sebut. Cuma kalau dia langgar perkataan, penyentuhan peribadi, menyentuh Raja, menyentuh hal-hal dalam Mahkamah, itu dia tidak boleh bercakap. Ini kalau nak cakap hal politik, dia memang orang politik Barisan. Kalau tak pun Yang Berhormat pun kawasan Pembangkang, Yang Berhormat pun cerita hal parti dalam kawasan Yang Berhormat dalam Dewan, tak ada benda. Boleh bercakap. Asal tidak menyentuh perkara-perkara yang boleh, barangkali. Jangan ikut perasaan Yang Berhormat. Dahlah, susah kalau tidak pandai undang-undang. (Dewan ketawa).

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang) :** Yang Berhormat Dato' Speaker, selaku ADUN Tenang yang baru dipilih, saya berazam dengan bimbingan Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Saya akan cuba untuk mengenal pasti masalah rakyat dan dalam masa yang sama akan mencari jalan dan kaedah agar masalah itu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Saya akan sentiasa bersama dengan rakyat untuk menerangkan dasar-dasar Kerajaan seperti Gagasan 1Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Program Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Ke-10, yang mana akan menjadi *forecast* dan inti pati kepada pembangunan di DUN Tenang ini nanti.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai ingatan kita bersama, Gagasan 1Malaysia bukannya suatu slogan dan retorik semata-mata, tapi sebaliknya ia membawa pengertian yang cukup mendalam dari segi pendekatan dan perubahan yang dibuat oleh Kerajaan. Usaha murni memacu perpaduan nasional yang membawa kepada kestabilan yang bergerak dalam suatu keluarga yang besar untuk menuju matlamat yang sama. Namun begitu, dalam usaha untuk meyakinkan rakyat tentang usaha murni kerajaan ini, sudah tentu ada kumpulan atau individu yang bercita-cita untuk merosakkan keharmonian ini. Golongan inilah yang akan kita tentang dengan serius dan habis-habisan dan sebenarnya kita tidak rela membiarkan rakyat rasa terpinggir dan tertindas.

Rakyat mesti kita dahulukan. Kerajaan adalah Kerajaan Rakyat. Ia adalah Kerajaan untuk rakyat dan mesti diterjemahkan dalam bentuk dasar program dan peruntukan. Program Transformasi Kerajaan iaitu janji kerajaan yang perlu ditanamkan oleh semua pihak selaras dengan aku janji kepada rakyat. Model Ekonomi Baru pula bertujuan member suntikan kepada pembangunan ekonomi negara agar ianya lebih berdaya saing sekali gus akan berubah dari sebuah negara yang berpendapatan sederhana kepada negara yang lebih kompetitif dan berjaya. Seterusnya memudahkan pucuk pimpinan negara untuk merangka dan meneruskan agenda Rancangan Malaysia ke-10 yang mengandungi banyak ketetapan dalam Program Transformasi Kerajaan dan Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA).

Yang Berhormat Dato' Speaker, hari ini kita dapat berkumpul bersama dengan aman dan damai tanpa ada sebarang gangguan daripada mana-mana pihak. Kita semua dapat duduk bersama untuk merancang pembangunan negara yang kita cintai ini. Kita mahu menuju ke matlamat yang satu, iaitu membina sebuah negara yang aman dan makmur, negara yang berdaulat, bermaruah serta maju.

Pergolakan yang berlaku di luar sana, sepatutnya menjadi iktibar kepada kita. Kita tidak mahu pergaduhan, perpecahan dan persengketaan menjadi tatapan generasi muda kita hari ini. Kita mahu membina kekuatan bangsa untuk bersedia menghadapi cabaran akan datang. Kita sudah tidak mempunyai masa lagi. Masa yang ada ini perlu kita isi dengan kerja-kerja yang baik dan berfaedah. Kita perlu segera mencari jalan untuk membina kesejahteraan rakyat dalam semua bidang. Aspek kenegaraan akan terbantut dan pastinya tidak akan kesampaian sekiranya kita berpecah dan bersengketa sesama sendiri.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan itu adalah wajar bagi kita bersyukur atas nikmat keamanan yang ada sekarang ini dan menjadi kewajipan kepada kita semua untuk mempertahankan keamanan yang ada sekarang ini. Saya juga berpandangan usaha membangunkan modal insan perlu diberikan perhatian yang serius dan berterusan. Kecemerlangan sesebuah tamadun bangsa itu perlu didasari dengan adanya generasi yang berilmu dan berakhlak mulia.

**Y.B. Dato' Speaker** : Lagi satu minit Yang Berhormat.

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Apabila ini dapat kita adakan dan sediakan yakinlah kita berada di landasan yang betul dan memudahkan kita untuk membina sebuah negara, bangsa mengikut acuan kita sendiri. Insya-Allah dalam konteks DUN Tenang ini saya akan cuba membawa yang terbaik untuk pengundi-pengundi di DUN Tenang. Keyakinan ini berdasarkan sokongan pengundi-pengundi di DUN Tenang semasa Pilihan Raya Kecil dahulu. Oleh itu, sudah semestinya kepercayaan pengundi-pengundi di DUN Tenang dibalas dengan perkhidmatan yang baik.

Bercakap tentang pembangunan dan kemudahan infrastruktur-infrastruktur di DUN Tenang, saya ingin memaklumkan di Dewan yang mulia ini akibat banjir yang berlaku, banyak jalan utama yang berlubang. Jambatan runtuh, jalan ke kawasan pertanian yang rosak serta perparitan dan sungai yang perlu di bersihkan akibat sampah yang tersekat dan bertimbun. Saya khawatir sekiranya masalah ini tidak diatasi, ianya akan banyak mendatangkan masalah kepada orang awam, orang kampung dan petani-petani. Orang awam akan berhadapan dengan risiko kemalangan akibat kerosakan jalan utama. Orang kampung dan petani pula tidak dapat mengeluarkan hasil seperti kelapa sawit dan getah akibat terputus hubungan. Ini adalah sesuatu yang merugikan.

Dan berhubung dengan permintaan dan desakan daripada penduduk di FELDA Tenang, Kampung Sawah Baru, Kampung Air Panas, Kampung Tenang dan Ulu Juaseh agar jalan utama Labis ke Kampung Tenang di naik taraf. Dan pada hemat saya, sudah sampai masanya harapan dan cadangan mereka ini diberikan perhatian

se wajarnya agar ia dapat memberikan keselesaan pada penduduk-penduduk di kawasan tersebut yang merupakan pengundi-pengundi setia Barisan Nasional.

Yang Berhormat Dato' Speaker...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok..

**Y.B. Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim (Tenang)** : Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker kerana telah memberi ruang dan peluang kepada saya dalam ucapan Penangguhan Mesyuarat bagi Mesyuarat Keempat bagi Penggal Persidangan Ketiga Dewan Negeri Johor Yang Ke-12 ini. Mudah-mudahan kita semua sentiasa diberi kekuatan, semangat dan iltizam untuk meneruskan perjuangan untuk agama, bangsa dan negara. Sekian, assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Terima kasih.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikummussalam. Yang Berhormat Puan Hamimah binti Haji Mansor jemput.

**Y.B. Puan Hamimah binti Haji Mansor (Penawar)** : Bismillahirrahmanirrahim, assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh..

Yang Berhormat Dato' Speaker, sudah lama tidak ke ladang,

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, mengikut Peraturan 119...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya..

**Y.B. Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Mengikut Peraturan 119 saya nak Jurutulis pastikan sama ada ...

**Y.B. Dato' Speaker** : Ya, dia pun dah buat pengakuan tadi. Yang Berhormat dengar... Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat, dia pun dah beritahu dia pun tak pernah berucap. Yang Berhormat ni boleh tak secara jujur sikit. Jangan main merabab aje. Besok, wah, ADUN Skudai mempertikai gini, seolah betul. Padahal benda tu tak betul. Dia kata dia tak pernah berucap, nanti saya *check* lah seterusnya Yang Berhormat. *Please cool*. Jangan bangun, bangun, tu tak ada faedah. Ni semua kecil punya perkaralah. *Don't* jadi macam isu besar. Dah, dah. Jemput.

**Y.B. Puan Hamimah binti Haji Mansor (Penawar)** : Yang Berhormat Dato' Speaker, hampir sepenggal saya menjadi Wakil Rakyat inilah kali pertama saya bercakap dalam Ucapan Penangguhan. Saya tewas dua kali dalam pemilihan demokrasi. (Dewan bertepuk).

Yang Berhormat Dato' Speaker, pelbagai perkara terus disusun dan dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional. Skim Rumah Pertamaku, melanjutkan pembayaran tempoh saman, persediaan pertambahan subsidi minyak, menyelamatkan dan menghantar

pulang pelajar Malaysia di Timur Tengah, satu demi satu Pilihan Raya sehingga 17 terus kita pikul bersama-sama selaku kerajaan yang memerintah.

Dari Merlimau kita ke Kerbau, setelah Tenang dilanda banjir, jangan bergurau, jangan merayau, bukan senang menjadi pentadbir. Memilih untuk mengkritik dan mencari silap memang mudah. Tetapi mencungkil, mencari masalah dan membangkitkan kemarahan rakyat bukan budaya kerajaan yang memerintah. Kita bertanggungjawab menerangkan dan memberi penjelasan setiap dasar dan perancangan membangunkan negara untuk kemakmuran bersama. Bukan menidakkan kebenaran sesuatu perkara yang kita tahu lebih banyak baik daripada buruknya. Apa yang diharapkan dengan pergolakan di Asia Barat menjadikan kita lebih berhati-hati untuk terus mengkaji dan mencari punca serta membuat perbezaan apa yang ada di sana, tiada di sini dan apa yang ada di sini, tiada di sana, sama ada demokrasi politik, susun atur pendidikan, ketelusan keselamatan agama, sosial dan paling penting sistem ekonomi yang merangkumi pelbagai lapisan masyarakat dan kaum tanpa mengetepikan sesiapa pun sehingga memungkinkan pemberontakan berlaku.

Kita sepatutnya sedar pemberontakan yang berlaku dalam sesebuah negara difikirkan boleh menyelesaikan masalah, walhal sebenarnya semakin besar masalah yang datang. Beberapa kesilapan negara di luar adalah menggunakan peluang demokrasi untuk melaksanakan sistem autokrasi sama ada ia dijayakan melalui kitaran kepimpinan dalam kalangan kerabat keluarga ataupun ahli pemimpin yang sudah sepakat mengawal satu sistem pemerintahan kerajaan. Mujurlah gaya kepimpinan politik di Malaysia masih berlandaskan demokrasi dengan menggunakan demokrasi yang ada untuk pembangunan politik serta politik untuk merencanakan pembangunan negara. Inilah keistimewaan yang masih dikekalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Perkara ini semua perlu dijelaskan kepada generasi muda hari ini agar jangan terlalu mengikut darah muda. Berfikir sebelum bertindak, berhemah dan jangan mudah melatah supaya apa yang berlaku di sana tidak akan berlaku di negara kita pada masa akan datang. Pasti kita tidak mahu meninggalkan generasi pemberontak untuk negara kita pada masa akan datang. Setelah kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran kita kecapai hasil perjuangan pemimpin terdahulu. Kerana kuasa membentuk sesebuah negara terletak kepada generasi muda hari ini. Seharusnya kita maklumkan pemikiran yang berubah mengikut zaman tidak seharusnya melepaskan asas kenegaraan, demi perpaduan pelbagai bangsa dan etnik di bumi Malaysia yang berdaulat ini.

Hari ini, masa ini, ketika ini, kita perlu mengemas kini semua sistem dan dasar yang ada agar bersesuaian dengan perkembangan modal insan yang kita ada seperti Sistem Bantuan Baitulmal yang memerlukan perkhidmatan yang cekap agar tiada kes tertangguh. Sekolah berasrama penuh perlu diperbanyakkan ekoran pertambahan pelajar yang bijak di samping memperkasakan sekolah harian agar kualiti pelajar dapat dipertingkatkan dan pertambahan jalur lebar di kawasan pedalaman dapat mengurangkan jurang pengetahuan penduduk di luar bandar, di samping memastikan semua teknologi dan kemajuan semua sistem di kecapai secara keseluruhan dan bersama.

Akhirnya Yang Berhormat Dato' Speaker, menilai budi melalui cara, bernilainya permata dari kaca, salam hormat menutup bicara, apa yang benar difikir bersama. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikumsalam. Yang Berhormat Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain jemput.

**Y.B. Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain (Sedili)** : Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Salam sejahtera dan salam sejahtera.

**Y.B. Dato' Speaker** : Waalaikummussalam.

**Y.B. Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain (Sedili)** : Segala puji bagi Allah, kita memuji-Nya, memohon pertolongan dan ampunan kepadanya, kita berlindung kepada Allah dari kejahatan diri kita dan keburukan amalan-amalan kita. "Barang siapa yang Allah tunduki, maka tidak ada yang dapat menyesatkannya. Dan barang siapa yang Allah sesatkan maka tidak ada yang dapat memberi hidayah".

Yang Berhormat Dato' Speaker, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapatlah Kerajaan Barisan Nasional mengekalkan kerusi pada Pilihan Raya Kecil di Dewan Undangan Negeri Kawasan Tenang dengan majoriti yang lebih tinggi. Ini menunjukkan bahawa rakyat semakin yakin dengan usaha yang ditunjukkan oleh Kerajaan Barisan Nasional khasnya di Negeri Johor bagi meneruskan pendekatan pembangunan holistik dengan lima strategi utama yang sesungguhnya mencukupi segala aspek kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Selain amat selari dan sejajar dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Sekalung tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman selaku Pengarah Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kawasan Tenang yang bekerja keras dan bersungguh-sungguh bagi memastikan Kerajaan Barisan Nasional mencapai kejayaan yang lebih besar dan amat bermakna ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kakitangan awam adalah jentera yang menggerakkan segala usaha kerajaan bagi membela nasib rakyat. Segala tuduhan yang dilemparkan oleh pihak di sebelah sana tentang ketidakcekapan dan masalah rasuah yang kononnya begitu parah di kalangan kakitangan awam adalah fitnah dan pembohongan semata-mata yang mungkin didorong oleh perasaan benci dan dendam kesumat pihak ini kepada kakitangan awam yang rata-ratanya adalah penyokong kerajaan. Percayalah Yang Berhormat, benci dan dendam yang diterjemahkan melalui tuduhan dan cercaan ini tidak akan berjaya menyelesaikan permasalahan yang sedang dihadapi oleh rakyat yang Y.B. wakili. Sedangkan kita semua di sini seperti juga kakitangan awam adalah bekerja untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi oleh rakyat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, pendidikan. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada anak-anak yang telah mendapat keputusan yang cemerlang di

dalam peperiksaan UPSR yang lalu. Sudah menjadi kebiasaannya semua pelajar Tahun 6 akan berlumba-lumba untuk mendapatkan keputusan 5A kerana 5A adalah prasyarat untuk pelajar dipilih bagi memasuki sekolah berasrama penuh. Malangnya Yang Berhormat Dato' Speaker, saya telah ditemui oleh ibu bapa pelajar-pelajar cemerlang yang mendapat keputusan 5A dari Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) yang melahirkan rasa kekecewaan yang dialami oleh anak-anak mereka apabila mendapat tahu bahawa pelajar dari SRAB tidak layak untuk memohon kemasukan ke asrama penuh. Ini berikutan kelayakan SRAB telah ditarik balik oleh Jabatan Pelajaran Negeri mulai tahun 2010 yang lalu. Dari dapatan yang saya lakukan, pihak sekolah SRAB hanya tahu berkenaan hilang kelayakan ini hanya setelah pelajar selesai menduduki peperiksaan UPSR.

Umum menyedari bahawa pelajar-pelajar yang berjaya terpilih memasuki sekolah berasrama penuh adalah pelajar yang bukan saja cemerlang dalam akademik tetapi juga dalam ko-kurikulum. Tindakan menarik balik kelayakan ini bagi saya bukan satu keputusan ataupun tindakan yang bijaksana dan jelas sekali tidak membantu menyelesaikan masalah, sebaliknya menimbulkan permasalahan baru. Sewajarnya pihak JPN mengambil pendekatan rundingan dan perbincangan bagi memastikan segala keperluan dan syarat yang ditetapkan dapat dipatuhi oleh pihak SRAB sebelum sesuatu keputusan yang sebegini penting kepada para pelajar yang terlibat diputuskan.

Justeru itu, saya ingin menyarankan supaya perbincangan segera dilakukan antara semua pihak yang terlibat bagi memastikan kepercayaan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke SRAB dapat terus dipertahankan. Sekiranya perkara yang sebegini penting tidak diberikan perhatian segera, tidak mustahil jika ibu bapa akan mula hilang kepercayaan dan bertindak memindahkan anak-anak mereka ke sekolah-sekolah lain, sedangkan selama ini telah terbukti bahawa SRAB telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai sahsiah yang terpuji. Saya yakin dan penuh percaya bahawa masalah ini akan berjaya diatasi sekiranya semua pihak ikhlas untuk meletakkan kepentingan masa depan seluruh pelajar SRAB mengatasi kepentingan-kepentingan lain, insya-Allah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin menyampaikan salam takzim masyarakat Orang Asli dari suku Kanaq yang merasa sungguh terharu apabila mendapat tahu bahawa mereka sekali lagi tidak dikesampingkan dalam Bajet 2011 iaitu di bawah strategi kedua, meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Langkah keenam, membangunkan masyarakat Orang Asli yang menjanjikan pembelaan untuk menaikkan taraf sosioekonomi dengan memberikan keutamaan kepada penyelesaian isu hak milik tanah melalui kaedah pemberimilikan tanah kepada Orang Asli yang meliputi tanah rizab di bawah Seksyen 6 dan 7, Akta Orang Asli 1954. Masyarakat suku Kanaq ini juga amat berharap agar penempatan mereka akan terpilih sebagai penempatan awal yang akan dilaksanakan kaedah pemberimilikan tanah ini.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada ketika ini penempatan masyarakat Orang Asli dari kaum Kanaq yang terdapat dalam DUN Sedili iaitu di Kampung Sungai Selangi adalah satu-satunya yang tinggal bukan sahaja di



Malaysia tetapi juga di dunia ini. Tidak seperti suku-suku yang lain. Suku Kanaq yang terdiri daripada 25 keluarga dengan jumlah keseluruhan seramai 85 orang ini adalah masyarakat suku Kanaq terakhir yang hanya boleh ditemui di perkampungan ini dan tidak di tempat-tempat lain. Purata setiap keluarga memiliki tanah seluas 3 ekar yang dimajukan oleh FELCRA di mana setiap keluarga mendapat pulangan sebanyak RM300.00 sebulan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, RM300.00 tidak cukup, di bawah paras kemiskinan. Saya mencadangkan supaya melalui kaedah pembermilikan tanah kepada Orang Asli yang meliputi tanah rizab di bawah Seksyen 6 dan 7, Akta Orang Asli 1954, saya mencadangkan supaya keluasan tanah penduduk ditambah sekurang-kurangnya kepada 6 ekar. Pun begitu Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai sebuah Perkampungan Orang Asli, Kampung Sungai Selangi ini berada di bawah Seliaan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, sama seperti perkampungan Orang Asli yang lain. Kampung Sungai Selangi ini tidak terkecuali dari terus mendapat berbagai-bagai bantuan seperti yang di peruntukan oleh Kerajaan.

Namun begitu, saya ingin mengajak pihak Kerajaan khasnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor untuk melihat perkampungan masyarakat Orang Asli Sungai Selangi ini, dari perspektif yang berbeza, berbanding dengan perkampungan Orang Asli yang terdapat di tempat-tempat yang lain. Dengan pendekatan kepada usaha menonjolkan keistimewaan Sungai Selangi sebagai satu-satunya penempatan Suku Kanaq yang secara kebetulannya berada dalam kawasan Sedili, sebagai satu lagi produk pelancong untuk Negeri Johor. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk tujuan ini, saya mencadangkan supaya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor dapat mempelajari dari negara Thailand yang begitu berjaya dalam bidang pelancongan khususnya dalam membangunkan produk-produk pelancongan yang berasaskan masyarakat Orang Asli yang terdapat di negara tersebut.

Pada satu lawatan ke Chiang Mai, sedikit masa dahulu, program yang diaturkan oleh agen pelancongan di sana, adalah termasuk beberapa perkampungan Orang Asli yang terdapat di bukit-bukit di kawasan pendalaman Chiang Mai sehingga di satu tahap Thailand berjaya menarik pelancong dari seluruh dunia, untuk melawat satu perkampungan Orang Asli iaitu Suku Kayan Lahwi yang dibina khas bagi suatu produk pelancongan, sedangkan Suku Kayan Lahwi ini adalah asalnya pelarian dari Negara Burma atau Myanmar. Untuk kita mengenali yang mana satu Suku Kayan Lahwi ataupun dipanggil Suku Pedaung ini, kaum penempatan suku ini memakai gelung tembaga di leher dan di kakinya. Mengambil contoh dari negara-negara Thailand, sebagai permulaan, suka saya mencadangkan supaya Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Johor, mula mengambil insentif ke arah ini dengan menjadikan perkampungan Orang Asli kaum Kanaq di Sungai Selangi dengan keunikannya terdiri berbagai projek perintis untuk dijadikan produk pelancongan beridentiti Negeri Johor.

Saya percaya, sekiranya semua pihak serius dalam usaha memajukan bidang pelancongan seperti yang saya utarakan ini tidak mustahil satu hari nanti Johor akan termasuk salah satu destinasi pelancongan Antarabangsa yang menawarkan keunikan masyarakat peribumi yang ada di negara kita ini. Ini tentunya secara tidak langsung

dapat meningkatkan taraf hidup kaum peribumi yang dimaksudkan selain meningkatkan lagi sumber ekonomi Negeri Johor.

Yang Berhormat Dato' Speaker, akhir kata terima kasih diucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam penggulungan perbahasan ini. Yang baik itu datangnya daripada Allah SWT yang buruk itu datangnya daripada kedangkalan dan pengalaman yang ada pada diri saya. Saya sudah dengan assalamualaikum warahmatul lahiwabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Yang Berhormat Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim, jemput.

**Y.B. Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim (Senggarang)** : Assalamualaikum warahmatul hiwabarakatuh.

**Y.B. Dato' Speaker** : Walaikumusalam.

**Y.B. Tuan Haji Ja'ffar bin Hashim (Senggarang)** : Dan selamat sejahtera Yang Berhormat Dato' Speaker, semasa pilihan raya kecil di Kerbau dan di Tenang terdengar laungan menghina UMNO, laungan hancur UMNO dan pelbagai lagi slogan yang penuh dengan emosi. Saya melihat laungan yang dipekikkan yang terpacul daripada mulut manusia yang berkopiah dan tertera di baju-baju mereka lambang sebuah parti pembangkang iaitu PAS. Janganlah kita melaung ikut sesedap mulut sahaja, apakah jasa PAS yang boleh dibuktikan hingga kini, di dalam membela nasib rakyat yang terpinggir dan miskin.

Apakah jasa besar yang pernah dicurahkan oleh parti pembangkang ini kepada pembangunan Islam itu sendiri? Kalau dulu mereka berteriak dengan lantang, bertadbir, tapi kini di sesetengah tempat seolah-olah tadbir tidak lagi kedengaran dan hampir lenyap. Malah yang paling jelas kelihatan, sanggup menggadai segala prinsip yang asal hingga kepentingan hanya semata-mata untuk meraih kepentingan dan kerakusan untuk meraih sokongan daripada rakan sekutu.

UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional yang telah menerpa kejayaan khususnya dalam membela nasib rakyat terus dinafikan. Marilah kita merenungkan secara yang lebih ilmiah terhadap kejayaan kita dalam mengurangkan kadar kemiskinan yang sekitar yang berada pada paras 5.7% dalam tahun 2005, kini hanya berada pada sekitar 3.2%. Peratusan miskin tegar contohnya juga menurun daripada 1.2% hingga ke paras hampir sifar 0.1%. Apakah ini bukan bukti kejayaan UMNO dan Barisan Nasional yang melingkupi segala segenap golongan masyarakat Melayu, Cina dan India. Dan inilah yang kita katakan slogan yang membawa kejayaan kepada UMNO dan Barisan Nasional.

Pertumbuhan ekonomi amat membanggakan pada kadar 10.1% Yang Berhormat Dato' Speaker, pada tahun 2010 juga patut dibanggakan. Ini adalah kejayaan-kejayaan lagi yang dibuat oleh UMNO dan Barisan Nasional. Slogan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan juga, dilihat begitu banyak pendekatan yang diambil bagi membuktikan bahawa UMNO dan Barisan Nasional bukan hanya

melaungkan slogan tetapi diisi penuh dengan seribu satu macam program dan tindakan yang menggunakan jenama 1Malaysia.

Hari ini semua rakyat Malaysia sama ada negeri-negeri yang ditadbir oleh Barisan Nasional mahupun negeri-negeri yang ditadbir oleh pembangkang merasai gelombang 1Malaysia ini. Kalau yang menjiwainya, maka dirasailah hebatnya, dilaungkannya, dilekat-lekat di baju, di topi dan di premis-premis perniagaan tetapi bagi mereka yang tidak memahami erti 1Malaysia yang sebenar merasakan slogan ini, slogan yang menakutkan dan mengerikan. Yang jelas slogan ini lahir dari seorang pemimpin yang datangnya daripada Barisan Nasional dan sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ada kini. Sepatutnya laungan yang saya sebut tadi, 'Hina UMNO' dan 'Hancurkan UMNO' tidak menjadi slogan yang sedemikian rupa tetapi seharusnya slogan yang sering kedengaran iaitu 'Hidup UMNO'.

Akhirnya marilah kita merenung kata pujangga bijak ini, iaitu bijak menarik rambut ditepung, bijak menangkis bersirat lidah, bijak membuka simpul mati, bijak menimbang sama berat, bijak memberi kata putus. Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatulahi wabarakat.

**Y.B. Dato' Speaker** : Walaikumusalam. Yang Berhormat Puan Lim Kee Moi, jemput.

**Y.B. Puan Lim Kee Moi (Yong Peng)** : Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Dato' Speaker, Adun Yong Peng mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berbahagia Tuan Haji Obet Bin Tawil kerana dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Johor yang baru, semoga dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dengan idea-idea untuk menjadikan Johor Negeri maju.

Banjir merupakan bencana alam dan kejadiannya tidak dapat diramalkan. Pada 30 Januari 2011 merupakan tarikh keramat bagi Barisan Nasional yang mana Adun Tenang telah memenangi kerusi DUN Tenang. Saya ucapkan tahniah dan selamat datang Y.B. ke Dewan yang mulia ini. Kami sebagai petugas-petugas pilihan raya telah bertungkus-lumus dalam keadaan hujan dan banjir di kawasan peti Undi Labis Timur dan akhirnya telah membuahkan hasil kemenangan kepada Barisan Nasional dan pada masa yang sama di kawasan DUN Yong Peng khususnya di Kampung Haji Kamisan, Temehil, Jalan Lama, Taman Desa, Batu 1, Jalan Labis telah dilanda banjir.

Walau bagaimanapun, saya ucapkan tahniah dan syabas pada jentera dan petugas banjir khususnya Yang Berbahagia Pegawai Daerah Batu Pahat, Ahli Jawatankuasa JPMM DUN Yong Peng, Majlis Daerah Yong Peng, Jabatan Kebajikan Masyarakat Batu Pahat, RELA dan JPA A3 dan lain-lain jabatan yang telah bertungkus-lumus menyelamatkan mangsa banjir dengan bertindak segera membuka pusat pemindahan banjir dan memberi bantuan makanan di pusat tersebut iaitu di Balai Raya Kampung Haji Kamisan, Sekolah Kebangsaan Taman Kota Yong Peng, Sekolah Agama Sri Betam, SMK Dato' Seth, SMK Yong Peng dan pusat pemindahan Baitul Islam Kampung Parit Awang yang jumlah keseluruhan keluarga 614 keluarga, 420 keluarga yang berpindah, manakala seramai 194 keluarga tidak berpindah.

Jutaan terima kasih, saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Abd. Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor hadir dalam lawatan kerja, dapat melawat ke pusat pemindahan Sekolah Agama Sri Betam pada hari pertama Tahun Baru Cina yang lalu. Saya difahamkan bahawa mangsa-mangsa akan menerima wang ihsan daripada pihak Kerajaan dan membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sememangnya mengamalkan konsep Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Empangan Bekok terletak di bahagian barat tengah Negeri Johor. Ia terletak kira-kira 6 kilometer dari Jalan Yong Peng - Segamat, dan boleh dimasuki di Jalan Elektrik. Pembina Empangan ini bermula pada bulan Ogos tahun 1987 dan siap pada bulan November 1990. Empangan ini ialah komponen Projek Pembangunan Bersepadu Johor Barat. Fungsi utamanya bersama-sama dengan Empangan Sembrong adalah menebat banjir oleh Sungai Batu Pahat dan telah direka bentuk untuk menyediakan tempoh ulangan banjir 25 tahun dengan pelepasan maksimum 50 *qumix*.

Banjir adalah satu fenomena alam yang berlaku akibat beberapa faktor. Di antaranya ialah kadar hujan yang turun terlalu lebat dan berpanjangan. Air hujan yang berlebihan itu telah menyebabkan paras air di kawasan saliran, parit, sungai dan empangan turut meningkat. Tujuan pembinaan Empangan ini juga adalah sebagai langkah mengatasi banjir di kawasan Batu Pahat, Sri Medan, Parit Yaani dan Parit Raja. Empangan ini telah berusia hampir 20 tahun dan telah berjasa mengawal dan menyekat banjir serta pada satu masa sebagai sumber bekalan air minum di kawasan Batu Pahat.

Yang Berhormat Dato' Speaker, persoalannya, pernahkah kajian semula dibuat oleh pihak tertentu sebagai penjaga melihat keadaan empangan yang tidak boleh menampung jumlah air yang ketika musim tengkujuh? Kenapakah tahun 2000 empangan masih berfungsi seperti yang kita inginkan? Apa yang jelas adalah dasar empangan semakin cetek, sehinggakan ada petani-petani yang menceroboh dalam kawasan untuk bercucuk tanam seperti sayuran dan Kelapa Sawit. Jika keadaan ini dibiarkan tanpa ada pihak yang bertanggungjawab diambil tindakan maka sudah pasti situasi banjir akan berlaku pada bila-bila masa. Untuk membina empangan baru, memerlukan kos yang tinggi yang diperlukan selain banyak tanah-tanah pertanian terlibat. Oleh yang demikian, dicadangkan satu kajian semula iaitu agar empangan di naik taraf dengan mendalamkan dasar dan memodenkan pintu-pintu sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Speaker, selain Empangan Bekok yang perlu di naik taraf, berikut adalah persoalan yang ingin saya ajukan iaitu, apakah rancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk mengatasi masalah banjir di DUN Yong Peng, Sri Medan, Parit Yaani dan DUN Semarang kerana di kawasan ini banjir pada hari tak hujan. Ini jelas bahawa tambatan banjir Empangan Bekok tidak dapat menampung air yang melimpah dari Segamat. Oleh itu, saya cadangkan pihak JPS Negeri Johor mengkaji mengenai melebarkan dan mendalamkan Sungai Bekok untuk menampung limpahan air, mendalamkan Sungai Temehar dan alirkan air Sungai Temehar ke Sungai Sedi dengan ini air Sungai Bekok akan terbahagi kepada dua aliran untuk ke kuala iaitu ke Sungai Bekok dan Sungai Sedi.

Kesan banjir telah mengakibatkan banyak infrastruktur seperti jalan kampung, balai raya, surau dan rumah kediaman rosak termasuk juga ternakan dan hasil pertanian yang telah musnah. Jabatan Pertanian telah mendahului agensi lain dengan menggunakan borang bancian kerosakan atau kerugian akibat banjir. Namun, Jabatan MPOB atau agensi MPOB dan RISDA belum mengemukakan bentuk bantuan kerosakan dan kerugian bagi penanam kelapa sawit dan getah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, BN kononnya pembangkang kata "Barang Naik". Sebenarnya harga barang naik bukannya disebabkan oleh kerajaan Barisan Nasional, ini disebabkan oleh pasaran dunia. Oleh itu, Jabatan Penerangan dan JASA harus melipat gandakan penerangan mengenai perkara ini. Jabatan ini harus memainkan peranan yang sebenarnya supaya rakyat faham dan bukan dituduh oleh pembangkang sewenang-wenang hati.

Harga komoditi kelapa sawit dan getah naik tetapi ini tidak dijadikan isu oleh pembangkang malahan rasa kenaikannya bersama nikmat, di rasa bersama. Sebenarnya kenaikan ini menunjukkan kecekapan Menteri-Menteri BN mencari pasaran di luar Negara. Sebenarnya pekebun kecil getah dan kelapa sawit merasa gembira dan rasa kesenangannya dari kenaikan harga komoditi tersebut. Pengetua, Guru Besar dan Guru naik gaji. Kakitangan kerajaan dapat bonus tetapi bagaimanakah dengan pekerja-pekerja kilang, ladang, pekerja sebagai Jurujual di kedai-kedai atau super market, buruh-buruh dan sebagaimana yang berpendapatan bawah seribu ringgit dengan tanggungan yang ramai, tentulah tidak memadai. Apakah tindakan kerajaan kepada mereka?.

DUN Yong Peng adalah sebuah kawasan yang luas di mana terdapat 3 mukim. Mukim Chaah Baru, Mukim Tanjung Semberong dan Mukim Sri Gading. Di DUN ini juga terdapat penguasa tempatan iaitu Majlis Daerah Yong Peng tetapi Klinik Kesihatan KK3 yang tapaknya telah diletak batu asas juga sampai hari ini belum dibina. Kawasan perindustrian diusahakan swasta pihak PKNJ macam tak nampak. Pusat Bomba Udara yang diura-urakan pada tahun 2004, hanya tinggal tapak sahaja. Oleh itu, selaku ADUN Yong Peng, saya berharap agar Kerajaan Negeri Johor di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dapat membantu saya supaya satu pembangunan mampan dapat dibina di Yong Peng.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

**Y.B. Dato' Speaker** : Ok. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Pihak Kerajaan ada siapa-siapa yang nak jawab? Ok nampaknya tak ada.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, tadi ada beberapa perkara yang berbangkit berkaitan dengan ucapan penangguhan yang dibuat oleh pihak ADUN Skudai. Oleh sebab perkara ini tuduhan dan dibuat di dalam Dewan, maka saya minta kepada pihak yang berkenaan untuk dapat menyiasat perkara ini sama ada ia benar atau tidak kerana itu satu perkara yang tidak boleh dimain-mainkan dengan hanya bercakap sedap saja di dalam Dewan ini dengan tidak ada bukti, maka satu penyiasatan akan dibuat untuk memastikan perkara ini. Jadi saya tak nak akhbar,

media mengeluarkan dulu sebelum perkara ini, kebenaran yang dibuat oleh pihak yang tersebut. Jadi saya harap, kena tunggu penyiasatan yang akan dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Yang kedua, cerita itu habis. Kedua cerita makan. Hari ini kita sediakan makan tengah hari. Semua Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, dif-dif jemputan dipersilakan jamuan makan tengah hari seperti biasa. Ok.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan ini saya tangguhkan ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11.47 pagi.**

**PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

**Jurutulis**

Tuan Haji Mohd. Halim bin Hasbullah

**Penolong Jurutulis**

Cik Shubannah binti Yusuf

**Kordinator**

Encik Abdul Rahman bin Mohd. Yusof

**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**

Puan Asiah binti Moklis

**Pembantu Penerbitan**

Cik Malina binti Mohd. Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd. Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

**Pembantu Tadbir (Mesyuarat)**

Puan Zainah binti Mansor

**Pembantu Tadbir Rendah**

Puan Hanifa binti Mohamed

**Pembantu Am Rendah**

Encik Razinie bin Sulaiman  
Encik Mohd. Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi

**Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)**

Puan Azlin binti Bahrin  
Pejabat Pengarah Kerja Raya Negeri Johor

Puan Saniah Kassim  
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor

Puan Liza Noor Asyikin binti Abd. Halim  
Pejabat Tanah dan Galian Johor

Puan Fareza binti Musa  
Pejabat Perhutanan Negeri Johor

Puan Zahiti binti Muhamad Hamdi  
Pejabat SUKJ Cawangan Kerajaan Tempatan

Puan Siti Rojimah binti Abd. Razak  
Pejabat Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran

Puan Nurul Ain binti Zainal Abidin  
Pejabat Pusat Pelaburan Negeri Johor

Puan Dalilah binti Dahalan  
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Fakhrinnazia binti Fuad  
Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor

Puan Rahimah binti Akhbar  
Pejabat Speaker Dewan Negeri Johor

**Rakaman**

Encik Abdul Rahman bin Elias  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

Encik Nor Risam bin Esa  
Jabatan Penerangan Negeri Johor

**PEJABAT DEWAN NEGERI  
JOHOR**

17 Mac 2011